

Adakah Bank Besar Berprestasi Tinggi? Tinjauan dari Malaysia (Do Larger Banks Have Higher Valuations? Evidence from Malaysia)

Aisyah Abdul-Rahman
(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)
(Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia)
Syajarul Imna Mohd Amin
Hafizuddin-Syah B.A.M
(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Hujah berkaitan Teori Too Big To Fail (TBTF) atau Terlalu Besar untuk Gagal yang dapat meningkatkan prestasi sesebuah bank bersaiz besar telah banyak dikaji oleh penyelidik. Namun, hasil kajian empirikal didapati tidak konklusif kerana hubungan ini bergantung kepada tahap pembangunan ekonomi dan keunikan negara masing-masing. Malaysia yang melaksanakan Sistem Perbankan Dual dalam konteks negara membangun dengan model kewangan berasaskan bank dilihat tidak sesuai mengguna pakai dapatan kajian dari negara maju memandangkan mereka cenderung untuk menggunakan model kewangan berasaskan pasaran. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis hubungan antara saiz dengan prestasi bank perdagangan di Malaysia bagi tempoh 2011-2020 dengan mengambil kira lanskap Sistem Perbankan Dual, iaitu perbankan Islam dan perbankan konvensional. Prestasi bank dinilai menggunakan pengukuran Tobin's Q , ROE dan Z-score. Berdasarkan anggaran Kaedah Am Momen (GMM), penemuan kajian menunjukkan bahawa saiz bank memberikan kesan positif terhadap ROE dan Tobin's Q , namun tidak memberikan impak yang signifikan terhadap aspek kestabilan sesebuah bank. Menyokong teori TBTF, dapatan kajian ini diperkuatkan dengan penemuan yang menunjukkan bahawa bank bersaiz besar mempunyai ROE dan Tobin's Q yang lebih tinggi berbanding dengan bank bersaiz kecil. Kajian juga mendapati bahawa prestasi ROE dan Tobin's Q perbankan Islam lebih rendah berbanding dengan perbankan konvensional tanpa perbezaan yang signifikan terhadap aspek kestabilan bank. Diharapkan penemuan ini membantu memberikan pencerahan kepada pembuat dasar, institusi perbankan dan para pelabur ketika membuat keputusan dan strategi dengan lebih berinformasi.

Kata Kunci: Saiz; perbankan Islam; Tobin's Q ; ROE, Z-score; prestasi bank; kestabilan bank

ABSTRACT

Some argue Too-Big-To-Fail (TBTF) status increases the value of the largest banks. Nevertheless, the empirical findings are inconclusive, depending upon the economic development and the unique feature of the country. The necessity of empirical research on Malaysia's financial landscape due to its status as an emerging nation with a distinctive bank-based financial system, diverging from typical market-based models in developing countries. Additionally, Malaysia's dual banking systems, integrating both conventional and Islamic banks within the same financial framework, present a unique context requiring tailored empirical investigations to ensure accurate understanding and effective policy making. The objective of the study is to investigate the performance-size relationships of commercial banks in Malaysia for the sample period of 2011-2020 by capturing the behaviour of Islamic banks. Bank performance measures are Tobin's Q , ROE and Z-score. Using the Generalised Method of Moments (GMM) estimations, the findings show that in size has positive effect on ROE and Tobin's Q , but no significant impact on bank stability. Similarly, larger banks with total asset more than 10 Billion have higher ROE and Tobin's Q as compared to smaller banks with total asset less than 10 Billion. Also, the Islamic banks have lower ROE and Tobin's Q with insignificant difference in terms of bank stability. It is hoped that this finding shed lights to the policy makers, bankers, and investors to make an inform decision and strategy.

Keywords: Size; Islamic banks; Tobin's Q ; ROE, Z-score; bank performance; bank stability

PENGENALAN

Kajian mengenai hubungan antara saiz bank dengan aspek prestasi sesebuah bank merupakan bidang yang penting dan perlu diperhalus bagi memahami dinamik yang mempengaruhi industri perbankan, terutama dalam konteks ekonomi global yang semakin kompleks dan mencabar. Menerusi persekitaran yang memperlihatkan peranan kritikal sesebuah institusi kewangan terhadap kestabilan ekonomi, pemahaman tentang pengaruh saiz bank

terhadap prestasi bank boleh memberikan maklumat penting untuk pembuat dasar, pengawal selia dan pengurus bank. Malah, kajian berkaitan hubungan saiz dan prestasi bank ini bukan sahaja relevan bagi peningkatan prestasi dalaman sesebuah bank tetapi juga bagi masyarakat umum yang bertujuan untuk menjaga kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan.

Terdapat banyak perkongsian pandangan menerusi kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa bank-bank yang bersaiz lebih besar mendapat keuntungan menerusi akses jaringan keselamatan pengawalseliaan yang lebih kuat. Istilah "Terlalu Besar Untuk Gagal" (TBTF) dikatakan berupaya meningkatkan nilai bank yang bersaiz besar. Walau bagaimanapun, kajian terhadap bank-bank di Amerika Syarikat sekitar tahun 1987 hingga 2017 menunjukkan bahawa prestasi bank-bank terbesar berkait secara negatif dengan saiz aset yang biasa. Namun demikian, ia tidak berlaku semasa krisis kewangan, iaitu status TBTF menjadi sangat berharga (Acharya et al. 2014). Selain itu, pemegang saham kehilangan pulangan pelaburan apabila bank-bank besar melintasi ambang TBTF melalui proses pengambilalihan.

Terdapat pelbagai teori yang menghubungkan saiz bank dengan aspek prestasi. Teori TBTF mencadangkan bahawa bank-bank yang lebih besar mungkin menikmati kelebihan tertentu seperti akses kepada dana yang lebih murah, sokongan kerajaan ketika menghadapi krisis dan peluang untuk memanfaatkan skala ekonomi. Selari dengan TBTF, Hipotesis Pempelbagaian (*Diversification Hypothesis*) menyokong pandangan bahawa bank yang lebih besar boleh mempelbagaikan risiko mereka dengan lebih baik melalui pelbagai produk dan perkhidmatan serta penyebaran rangkaian yang boleh meningkatkan kestabilan dan prestasi kewangan mereka (Berger & Bouwman 2013). Selanjutnya, Teori Ekonomi Skala (*Economies of Scale*) mencadangkan bahawa bank-bank besar dapat mengurangkan kos melalui pengeluaran dan operasi yang lebih efisien (Lisdawati 2018). Namun begitu, teori ini tidak selalu menghasilkan tahap prestasi yang lebih baik kerana bank-bank besar juga mungkin menghadapi cabaran terhadap pengurusan risiko, birokrasi dalaman yang kompleks dan masalah agensi (Agustin 2015). Di samping itu, Hipotesis Kuasa Pasaran (*Market Power Hypothesis*) mencadangkan bahawa bank yang lebih besar akan mempunyai kuasa pasaran yang lebih besar. Ia membolehkan mereka mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi terhadap pinjaman dan kadar yang lebih rendah terhadap deposit sekali gus dapat meningkatkan margin keuntungan mereka. Teori *X-Efficiency* pula menumpukan kepada kecekapan pengurusan di dalam sesebuah institusi bank. Bank yang lebih besar mungkin mampu mengurangkan kos operasi dengan lebih cekap berbanding dengan bank yang lebih kecil kerana mereka mempunyai lebih banyak sumber untuk melabur dalam teknologi dan proses yang dapat meningkatkan tahap produktiviti. Ini sejajar dengan Hipotesis Pemantauan dan Maklumat (*Information and Monitoring Hypothesis*) yang menyatakan bahawa bank yang lebih besar mempunyai kelebihan terhadap pengumpulan dan pemantauan maklumat sehingga membolehkan mereka membuat keputusan kredit yang lebih baik serta menguruskan risiko dengan lebih berkesan.

Bertentangan dengan TBTF, Teori Terlalu Besar Untuk Diurus (*Too Big To Manage* -TBTM) menyatakan bahawa bank yang terlalu besar mungkin menjadi terlalu kompleks untuk diuruskan dengan berkesan sehingga boleh menyebabkan berlaku masalah ketidakcekapan dan risiko yang lebih tinggi (Kress 2019). Di samping itu, Teori Agensi (*Agency Theory*) pula menjelaskan bahawa apabila bank semakin besar, mungkin terdapat lebih banyak masalah agensi dalam kalangan pemegang saham dan pengurusan sehingga boleh menjejaskan prestasi sesebuah bank (Sukendri et al. 2024). Pengurusan mungkin akan membuat keputusan yang menguntungkan mereka secara peribadi tetapi tidak semestinya mempunyai kepentingan yang terbaik kepada pemegang saham. Teori Tadbir Urus Corporat (*Corporate Governance*) pula menekankan mengenai kepentingan struktur tadbir urus terhadap sesebuah bank. Bank yang lebih besar mungkin memerlukan sistem tadbir urus yang lebih kompleks dan kuat untuk memastikan pematuhan dan pengurusan risiko yang berkesan sekali gus boleh mempengaruhi prestasi dan nilai sesebuah bank (Adams & Mehran 2012).

Teori dan hipotesis yang pelbagai ini membawa kepada hasil dapatan kajian empirikal yang bercampur-campur. Contohnya, DeYoung et al. (2013) mendapati bahawa di beberapa negara Eropah, bank-bank besar menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam tempoh masa tertentu tetapi keadaan ini tidak konsisten di seluruh benua. Mereka juga menunjukkan bahawa peraturan yang lebih ketat dan pengawasan yang lebih baik di negara-negara tertentu boleh mempengaruhi saiz bank yang mempunyai perkaitan dengan prestasi mereka. Kajian yang dilaksanakan oleh Cordina et al. (2025) terhadap 39 buah bank yang berpusat di Eropah menunjukkan bahawa prestasi bank-bank tersebut berubah-ubah mengikut keadaan dan faktor semasa, namun kebanyakan bank mempunyai potensi yang tinggi untuk meningkatkan prestasi dan mengurangkan risiko terhadap pelabur. Di negara-negara seperti Jerman dan Perancis, didapati bahawa sistem kewangan lebih berasaskan bank. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bank-bank besar mungkin lebih cenderung untuk memperoleh manfaat menerusi skala ekonomi berbanding dengan negara-negara dengan sistem kewangan berasaskan pasaran seperti United Kingdom. Kajian mereka selari dengan dapatan Karadžić dan Đalović (2021) yang menunjukkan bahawa saiz bank memainkan peranan penting untuk menentukan tahap keuntungan sesebuah bank. Melalui analisis terhadap 47 buah bank besar di 14 negara Eropah, didapati bahawa bank-bank yang lebih besar cenderung untuk mencapai keuntungan yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan oleh kelebihan skala ekonomi yang membolehkan pihak bank mengurangkan kos operasi, meningkatkan daya saing serta memperoleh akses yang lebih baik terhadap sumber pembiayaan. Selain itu, saiz bank yang besar juga boleh meningkatkan kepercayaan masyarakat, terutamanya

dalam kalangan pelanggan dan pelabur. Hal ini demikian kerana bank-bank besar sering dilihat sebagai bank yang lebih stabil dan mampu menghadapi masalah ketidaktentuan ekonomi.

Kajian antara saiz bank dengan prestasi bank di negara-negara sedang membangun pula menunjukkan terdapat hubungan yang lebih kompleks (Cetorelli & Goldberg 2014; Council 2025). Di negara-negara ini, bank-bank besar sering kali berperanan penting terhadap pembangunan ekonomi dan menjadi pembiaya kepada sektor-sektor penting. Kajian yang telah dijalankan oleh Bhagat et al. (2015) mendapati bahawa bank-bank besar di India cenderung untuk menghasilkan tahap prestasi yang lebih baik bagi membiayai sektor-sektor yang kurang mendapat perhatian. Walau bagaimanapun, kajian yang sama juga menunjukkan bahawa bank-bank besar di India menghadapi cabaran terhadap aspek pengurusan risiko dan kecekapan operasi yang boleh menjejaskan prestasi jangka panjang mereka.

Di China, kajian yang dijalankan oleh Berger et al. (2009) mendapati bahawa bank-bank besar menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam tempoh tertentu tetapi menghadapi cabaran terhadap pengurusan risiko dan birokrasi dalaman. Mereka juga memperlihatkan bahawa peranan kerajaan yang sangat komited dalam sektor perbankan di China boleh mempengaruhi saiz sesebuah bank yang berkait rapat dengan aspek prestasi bank tersebut. Kajian ini turut menekankan bahawa bank-bank besar di China mungkin menerima lebih sokongan daripada pihak kerajaan semasa berlakunya krisis kewangan sekali gus berupaya mengurangkan risiko insolvensi tetapi turut menimbulkan isu moral hazard.

Menerusi konteks negara-negara *Gulf Co-operation Council* (GCC) atau Majlis Kerjasama Negara Teluk, kajian yang dilaksanakan oleh Khan (2022) menunjukkan bahawa saiz bank memainkan peranan penting untuk menentukan keuntungan yang diperoleh pihak bank di rantau ini. Kajian ini mendapati bahawa bank yang lebih besar cenderung untuk mencatatkan *Return On Assets* (ROA) atau Pulangan kepada Aset dan *Return On Equity* (ROE) atau Pulangan kepada Ekuiti yang lebih tinggi. Faktor seperti pengurusan aset yang cekap dan keupayaan untuk mengakses lebih banyak sumber pembiayaan dilihat membantu bank-bank besar di GCC untuk meningkatkan tahap keuntungan mereka. Sementara itu, kajian yang dilaksanakan oleh Nguyen et al. (2023) mengenai 78 bank Islam di 15 buah negara (Bahrain, Bangladesh, Mesir, Indonesia, Jordan, Kuwait, Malaysia, Oman, Pakistan, Qatar, Arab Saudi, Sri Lanka, Sudan, Emiriyah Arab Bersatu dan United Kingdom) semasa pandemik COVID-19 turut mendapati bahawa saiz bank mempunyai pengaruh positif terhadap tahap kecekapan operasi sesebuah bank. Dapatan ini mengukuhkan lagi hujah bahawa saiz bank bukan sahaja memberikan kesan daya tahan terhadap kejutan kewangan tetapi juga kepada keupayaan operasinya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan makroekonomi.

Namun demikian, tidak semua kajian menyokong hubungan positif yang dilihat berlaku antara saiz bank dengan prestasi kewangan. Nurkhin et al. (2023) menunjukkan bahawa saiz bank tidak mempunyai impak signifikan terhadap prestasi bank Islam di Indonesia. Ini mungkin disebabkan oleh perbezaan terhadap struktur pasaran kewangan, tahap persaingan dan keupayaan sesebuah institusi perbankan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta faktor makroekonomi. Keseluruhannya, saiz sesebuah bank memainkan peranan yang berbeza untuk menentukan tahap prestasi sesebuah bank di negara membangun. Ia bergantung kepada faktor seperti kerangka kawal selia, campur tangan Kerajaan serta tahap pembangunan sektor kewangan di setiap negara. Di negara membangun seperti India, China dan Indonesia, cabaran seperti pengurusan risiko, ketidakseimbangan kawal selia dan tahap persaingan memainkan peranan bagi menentukan hubungan antara saiz bank dengan tahap keuntungan. Sebaliknya berlaku di negara GCC yang memiliki sistem perbankan yang lebih kukuh dan kurang terdedah kepada ketidakstabilan kewangan. Di sana, bank yang lebih besar lebih cenderung untuk mencapai prestasi yang lebih baik.

Kajian yang dilaksanakan oleh Kou et al. (2022) menambahkan dimensi baharu terhadap analisis ini dengan penelitian tentang cara atau kaedah aspek digitalisasi dan teknologi kewangan, iaitu *financial technology* (*fintech*) yang boleh mempengaruhi hubungan antara saiz dengan prestasi bank di negara-negara membangun. Penyelidikan ini selari dengan dapatan kajian Siska (2022) yang menunjukkan bahawa penggunaan teknologi kewangan *fintech* dalam perbankan Islam telah memberikan kesan positif terhadap prestasi dan keuntungan sesebuah bank. Kajian tersebut turut mendapati bahawa bank Islam yang mengguna pakai *fintech* cenderung untuk mengalami peningkatan terhadap tahap kecekapan operasi dan prestasi kewangan. Walau bagaimanapun, cabaran utama dari segi pengurusan risiko, keselamatan siber dan pematuhan prinsip syariah kekal sebagai isu kritikal. Bank Islam menghadapi kos pematuhan syariah yang lebih tinggi. Ia boleh memberikan kesan terhadap keupayaan mereka untuk menerima pakai inovasi *fintech* dengan cepat.

Menerusi konteks yang lebih luas, Baker et al. (2023) pula mendapati bahawa bank perdagangan yang melaksanakan teknologi kewangan telah mengalami peningkatan terhadap prestasi kewangan, termasuk peningkatan terhadap jumlah deposit dan keuntungan bersih bank. Ia dilihat di negara membangun, iaitu Jordan dan negara berpendapatan tinggi, iaitu Emiriyah Arab Bersatu. Ini menggambarkan bahawa saiz sesebuah bank memainkan peranan penting untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan *fintech* terhadap aspek prestasi kewangan bank tersebut. Bank yang lebih besar didapati lebih berdaya saing untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi serta mampu mengatasi cabaran operasi dengan lebih baik berbanding dengan bank yang lebih kecil.

Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang yang terdapat dalam literatur kajian mengenai hubungan antara saiz dengan prestasi bank dalam Sistem Perbankan Dual di Malaysia, iaitu perbankan Islam dan konvensional. Kedua-duanya beroperasi secara selari tetapi mempunyai prinsip dan model perniagaan yang berbeza. Walaupun perbezaan struktur, operasi dan pematuan syariah boleh mempengaruhi aspek kecekapan, keuntungan dan kestabilan perbankan Islam dan konvensional (Abdul-Rahman & Gholami 2020; Ab-Hamid et al. (2017), kajian perbankan di Malaysia dilihat masih belum memberikan perhatian khusus terhadap hubungan antara saiz dengan prestasi bank. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneliti impak saiz bank terhadap prestasi kewangan dengan menggunakan ukuran Tobin's Q, ROE dan Z-score bagi tempoh 2011–2020. Ia dilakukan dengan mempertimbangkan tingkah laku yang berbeza antara bank Islam dengan bank konvensional. Selain pengukuran saiz secara umum, kajian ini juga membahagikan saiz bank kepada dua kategori, iaitu bank bersaiz besar (>RM10 Bil) dan bank bersaiz kecil (< RM10 Bil). Dapatan kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada aspek pemahaman sesebuah teori tetapi juga memberikan implikasi praktikal kepada pembuat dasar dan pengurus bank untuk merangka strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan daya saing dan kestabilan sektor perbankan di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai saiz dan prestasi bank telah lama dikaji berdasarkan hujah teori yang pelbagai dengan hasil kajian yang tidak konklusif. Sejalan dengan perkembangan sesebuah bank, mereka boleh mengurangkan kos purata melalui peningkatan pengeluaran dan kecekapan operasi (Berger & Humphrey 1991; Hughes et al. 2019). Bank yang lebih besar mendapat manfaat skala ekonomi dengan menyebarkan kos tetap seperti perbelanjaan pentadbiran dan pelaburan teknologi terhadap projek yang lebih penting sekali gus mengurangkan kos seunit. Hubungan positif ini dapat dilihat terutamanya menerusi bank bersaiz kecil hingga sederhana berbanding dengan bank bersaiz lebih besar yang mengalami pulangan yang semakin berkurangan disebabkan oleh masalah ketidakekonomian skala (*Economies of Scale* 2020; Hughes & Mester 2013). Hughes dan Mester (2013) berpendapat bahawa bank yang lebih besar boleh mencapai prestasi yang lebih baik melalui pengoptimuman sumber dan amalan pengurusan lanjutan seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk mengemudi kawal selia persekitaran yang kompetitif. Selain itu, bank yang lebih besar selalunya mempunyai lebih banyak pengaruh pasaran. Ia membolehkan mereka menetapkan harga yang lebih tinggi dan memperoleh keuntungan yang luar biasa (DeYoung & Rice 2004; Onour & Abdo 2020). Penguasaan pasaran ini bagaimanapun boleh menyekat persaingan dan inovasi yang berpotensi membawa kepada berlakunya masalah ketidakcekapan sektor dan penelitian kawal selia. Dari segi positifnya, bank besar boleh mengurus risiko dengan lebih berkesan melalui portfolio yang pelbagai dan sistem pengurusan risiko paling maju sekali gus meningkatkan daya tahan mereka terhadap turun naik ekonomi (Laeven et al. 2015; Nippa & Ling 2021).

Teori Terlalu Besar Untuk Gagal (TBTF) dilihat penting untuk memahami hubungan antara prestasi bank bersaiz besar dengan risiko yang dinamik. Teori ini berpendapat bahawa bank bersaiz besar akan menjadi begitu penting dalam sistem kewangan sehingga kegagalan mereka akan membawa akibat yang serius dan boleh melumpuhkan sistem kewangan. Keadaan ini memaksa kerajaan untuk membantu mereka dengan suntikan modal (*bail out*) semasa berlakunya krisis. Bank TBTF mendapat manfaat daripada jaminan tersirat oleh Kerajaan yang boleh membawa kepada risiko moral kerana bank-bank ini cenderung untuk terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi dengan andaian bahawa mereka akan sentiasa menerima bantuan akhir (*The Lender of Last Resort*) jika berlaku kesilapan (Altinoglu & Stiglitz 2023; Demirgüç-Kunt & Huizinga 2010). Sebaliknya, bank yang lebih kecil sering mengekalkan nisbah modal yang lebih tinggi untuk mengelak daripada krisis dan beroperasi dengan prinsip yang lebih konservatif. Teori Agensi juga menyatakan kelemahan bank yang bersaiz besar seperti ketidakcekapan dan konflik kepentingan antara pihak pengurusan dengan pemegang saham (Baral & Patnaik 2021; Berger & Humphrey 1991). Apabila bank berkembang, kesulitan operasi akan meningkat dan menyebabkan berlaku masalah agensi. Pihak pengurusan mengejar matlamat peribadi berbanding dengan nilai pemegang saham. Mekanisme tadbir urus yang berkesan dilihat penting untuk mengurangkan isu ini dan menyelaraskan kepentingan antara pihak pengurusan dengan pemegang saham. Oleh sebab itu, Ali et al. (2020) dan Saunders et al. (1990) menekankan mengenai kepentingan kawal selia yang optimum, iaitu bank bersaiz besar akan menghadapi risiko yang lebih rendah dan memperoleh keuntungan yang stabil. Selain itu, kecekapan maklumat ataupun akses kepada maklumat yang inklusif dan keupayaan pemantauan yang mantap juga dapat meningkatkan prestasi bank dengan lebih besar (Demirgüç-Kunt & Huizinga 2010; Grzeta et al. 2023). Bank-bank ini mampu membeli sistem maklumat yang canggih dan mengambil kakitangan yang mahir seterusnya meningkatkan penilaian risiko serta keupayaan pengurusan sesebuah bank.

Kajian empirikal terdahulu telah membuktikan bahawa berlaku perbezaan yang ketara terhadap tingkah laku sesebuah bank dan ia bergantung kepada saiz bank tersebut. Kale et al. (2015) mendapati bahawa selepas krisis Turki pada tahun 2001, bank bersaiz kecil berupaya mengatasi bank besar dalam tempoh yang tidak menentu, manakala bank besar cemerlang dalam tempoh yang stabil. Dapatan ini menyerlahkan berlakunya impak dinamik aspek makroekonomi terhadap prestasi sesebuah bank. Kouzez (2023) mengukuhkan penemuan ini dengan

menunjukkan bahawa bank besar dengan daya tahan mereka lebih mampu untuk menahan tekanan politik. Ini menunjukkan bahawa saiz bank merupakan penentu kritikal terhadap prestasi sesebuah bank yang berada di negara yang mempunyai masalah ketidakstabilan politik. Di samping itu, Grzeta et al. (2023) mendapati bahawa selari dengan andaian TBTF, bank bersaiz besar mempunyai kuasa pasaran yang lebih tinggi. Kuasa pasaran ini menyebabkan bank bersaiz besar mendapat keistimewaan layanan daripada pihak berkuasa seterusnya berpotensi untuk menghasilkan daya saing yang kompetitif dalam pasaran. Cardillo et al. (2024) turut mengesahkan bahawa bank yang lebih besar mampu mengekalkan kuasa pasaran yang lebih tinggi. Ia sejajar dengan hipotesis TBTF yang memperlihatkan bahawa bank-bank ini menikmati kelebihan yang ketara kerana saiznya. Asongu dan Odhiambo (2019) selanjutnya mendapati bahawa saiz bank berupaya meningkatkan margin kadar faedah walaupun kuasa pasaran dan skala ekonomi tidak mempengaruhi margin ini dengan ketara. Teixeira et al. (2020) pula menunjukkan bahawa kesan negatif persekitaran kawal selia dan daya saing institusi perbankan terhadap keuntungan sesebuah bank dilihat kurang ketara bagi bank bersaiz besar. Kajian Minaryanti dan Mihajat (2024) turut menyatakan bahawa bank bersaiz besar tidak dapat dipisahkan dengan prestasi yang cemerlang. Kenyataan ini disokong oleh Rehman et al. (2021) yang mendapati bahawa saiz bank mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap prestasi sesebuah bank. Dapatan ini menekankan bahawa potensi saiz sesebuah bank berperanan sebagai faktor penyederhana antara hubungan daya saing dengan persekitaran kawal selia-prestasi bank.

Schreiber (2024) menunjukkan bahawa bank bersaiz sederhana tidak peka terhadap langkah kepelbagaian hasil berbanding dengan bank besar dan kecil. Di negara *Middle East and North Africa* (MENA), Abu Khalaf et al. (2024) mendapati bahawa terdapat perkaitan yang positif antara saiz bank dengan aspek keuntungan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bank yang lebih besar mendapat manfaat menerusi skala ekonomi dan mempunyai pengaruh pasaran yang lebih ketara. Antao dan Karnik (2022) pula berpendapat bahawa bank yang lebih besar mempunyai kelebihan untuk menghadapi kejutan krisis kewangan kerana mereka mempunyai keupayaan untuk mendapat keuntungan melalui model pempelbagaian portfolio dan memiliki tahap pengurusan risiko yang mampan. Sebaliknya, Maudud-Ul-Huq et al. (2023) mendapati bahawa bank bersaiz kecil di Bangladesh mendapat lebih banyak manfaat menerusi campuran portfolio, manakala bank besar di Afrika Selatan memperoleh lebih banyak manfaat menerusi kepelbagaian pendapatan. Penemuan ini menggariskan pelbagai strategi dan hasil yang boleh dikaitkan dengan saiz bank. Ini menonjolkan bahawa terdapat kepentingan aspek pendekatan pengawalseliaan dan pengurusan yang boleh disesuaikan dengan saiz bank yang berbeza.

Oleh itu, memahami hubungan kompleks antara saiz bank dengan keuntungan dilihat penting untuk kestabilan kewangan, kecekapan dan daya saing. Apabila bank berkembang, mereka mungkin akan mencapai skala ekonomi, pengurusan risiko yang lebih baik dan kuasa pasaran yang meningkatkan tahap prestasi mereka. Walau bagaimanapun, mereka juga akan menghadapi cabaran yang berkaitan, iaitu akan berhadapan dengan risiko yang berlebihan dan masalah ketidakcekapan dalam aspek pengurusan. Bukti empirikal yang tidak konklusif menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk melakukan kajian lanjutan memandangkan isu ini relevan dan mustahak dalam bidang perbankan dan kewangan, terutamanya bagi pihak pengawalseliaan dan pengurusan bank di Malaysia.

Sebahagian besar kajian terdahulu dalam konteks di Malaysia tertumpu kepada faktor seperti struktur pembiayaan (Yaakub et al. 2017), risiko kecairan (Quan et al. 2019), pematuhan syariah (Rahim et al. 2023) dan kecekapan operasi (Kamarudin et al. 2019) tetapi hanya menjadikan saiz bank sebagai faktor kawalan dalam analisis mereka. Contohnya, Ismail et al. (2016) telah meneliti mengenai aspek pengurusan aset-liabiliti dalam perbankan Islam dan konvensional. Mereka mendapati bahawa perbezaan struktur kewangan dan model perniagaan boleh mempengaruhi tahap kecekapan sesebuah bank serta keupayaan mereka untuk menguruskan risiko kecairan secara efektif. Begitu juga kajian yang dilaksanakan oleh Yaakub et al. (2017) mengenai struktur pembiayaan dan risiko kecairan. Beliau mendapati bahawa bank Islam domestik dan asing mempunyai tahap risiko kecairan yang berbeza tetapi tidak mengaitkan hubungan tersebut dengan saiz bank sebagai faktor utama untuk menentukan tahap prestasi sesebuah bank. Walaupun faktor saiz sering diambil kira sebagai pemboleh ubah kawalan dalam kajian perbankan di Malaysia, masih terdapat kekurangan dalam bahagian literatur yang melibatkan penelitian secara spesifik mengenai aspek saiz bank yang mempengaruhi tahap prestasi kewangan dalam konteks Sistem Perbankan Dual di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan data sekunder daripada *FitchConnect* yang melibatkan 41 bank komersial di Malaysia. Ia terdiri daripada 25 bank konvensional dan 16 bank Islam daripada tahun 2011 hingga 2020. Pemilihan sampel kajian bermula daripada tahun 2011. Ia bertujuan untuk mengambil kira kesan struktur pecahan (*structural break*) pasca Krisis Kewangan Global, iaitu pada tahun 2008 hingga 2009 yang telah memberikan impak besar terhadap sektor perbankan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Tahun-tahun awal selepas krisis pada 2009 hingga 2010 menyaksikan berlakunya penyesuaian yang ketara terhadap dasar kawal selia, struktur modal dan strategi operasi bank. Ia selari dengan pengenalan kerangka Basel III serta langkah pemulihan ekonomi oleh pihak berkuasa

monetari. Oleh itu, penggunaan data bermula daripada tahun 2011. Ia membolehkan penilaian dibuat dalam persekitaran pasca-krisis yang lebih stabil dan memperlihatkan struktur operasi bank yang telah disesuaikan dengan norma baharu pasaran kewangan. Sementara itu, tahun 2020 dipilih sebagai tahun akhir kajian kerana ia menandakan permulaan kejutan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang membawa kepada ketidakpastian pasaran kewangan, pelaksanaan moratorium pinjaman berskala besar dan pelbagai intervensi fiskal dan monetari. Jadual 1 menunjukkan tentang purata nilai aset bank di Malaysia berdasarkan kategori saiz. Kajian ini menggunakan RM10 bilion sebagai nilai ambang untuk membezakan antara bank Islam bersaiz besar dengan kecil. Tidak seperti bank konvensional yang mempunyai jumlah aset yang ketara, iaitu melebihi RM20 bilion. Saiz aset perbankan Islam di Malaysia secara amnya jauh lebih kecil. Penggunaan nilai ambang yang lebih tinggi akan mengurangkan dengan ketara bilangan perbankan Islam yang diklasifikasikan sebagai “bank besar” dan berpotensi membawa kepada analisis yang tidak mewakili. Oleh itu, penanda aras RM10 bilion menawarkan asas yang lebih sesuai untuk membezakan saiz bank terutamanya terhadap segmen perbankan Islam.

JADUAL 1. Purata nilai aset bank di Malaysia mengikut kategori saiz

Panel a: Purata Nilai Aset Perbankan Islam (16)			
Min Bank Bersaiz Besar (> RM 10 bilion)		Min Bank Bersaiz Kecil (< RM 10 bilion)	
Public Islamic	1 692 316.92	RHB Islamic	8 053.71
CIMB Islamic	12 446.27	Standard Chartered Saddiq	2 002.95
		Affin Islamic	3 535.12
		Al-Rajhi Bank	1 672.88
		Alliance Islamic Bank	2 189.58
		Ambank Islamic	7 567.76
		Bank Islam Malaysia Berhad	5745.43
		Bank Muamalat	5 001.19
		Hong Leong	5 409.7
		HSBC Amanah	3 659.04
		Kuwait Finance House	2 401.65
		MBSB Bank	3 425.3
		OCBC Al-Amin	2 814.19
Panel b: Purata Nilai Aset Perbankan Konvensional (26)			
Min bank bersaiz besar (> RM10 bilion)		Min bank bersaiz kecil (< RM10 bilion)	
Hong Leong Bank	49 718.40	Bangkok Bank	1 158.45
OCBC Bank	22 998.75	China Construction Bank	1 088.54
Affin bank	16 454.45	JP Morgan Chase Bank	2 024.49
CIMB Bank	97 742.31	Sumitomo Mitsui	2 630.72
HSBC Bank	21 728.23	Bank of America	833.84
Malayan Banking	178 596.92	The Bank of Nova Scotia	969.47
Public Bank	94 625.25	Bank of China	2 558.06
Citibank	10 184.61	India International Bank	120.54
Alliance bank	13 939.92	Mizuho Bank	1 309.93
RHB Bank	56 363.91	BNP Pariban	964.19
United Overseas Bank	25 364.32	Deutsche	2 893.86
Ambank	24 768.42	Industrial and Commercial Bank of China	1 144.7
Standard Chartered Bank	13 264.27	MUFG Bank	6 063.09

Bagi menangani prestasi bank yang bersifat dinamik, teknik penganggaran *Generalized Methods of Moments* (GMM) telah digunakan dalam kajian ini. Teknik GMM membolehkan kajian ini memasukkan lag bagi pemboleh ubah bersandar sebagai pemboleh ubah penjelasan atau instrumen untuk mengawal proses dinamik. Beck et al. (2000) menjelaskan bahawa terdapat beberapa kelebihan menggunakan model GMM dinamik. Pertama, model ini cekap bagi membenarkan pengaruh variasi siri masa. Kedua, ia membenarkan kesan spesifik bank individu yang tidak dapat diperhatikan untuk diambil kira. Ketiga, ia mengawal masalah *endogeneity* dengan memperkenalkan instrumen dalaman model. Keempat, rangka kerja panel dinamik sesuai untuk kajian data panel yang mempunyai seksyen rentas (*cross section*) yang besar dan data siri masa yang pendek ($T < 10$ tahun) seperti dalam kajian ini.

Rangka kerja empirikal untuk menentukan prestasi bank ditentukan seperti berikut:

$$Prest_{it} = \alpha_i + \beta_1 Prest_{it-1} + \beta_2 Saiz + \beta_3 PI + \beta_4 FSB_{it} + \varepsilon_i$$

Prest ialah ukuran alternatif prestasi bank yang diwakili oleh Tobin's *Q*, *ROE* dan *Z-score*. Tobin's *Q* pula ialah nisbah antara nilai pasaran aset dengan kos penggantian aset. *ROE* akan mengukur keuntungan berbanding dengan ekuiti pemegang saham dan *Z-score* akan menilai risiko berlakunya kebangkrutan. Ketiga-tiga ukuran ini memberikan pandangan yang berbeza mengenai prestasi dan kestabilan bank. $Prest_{it-1}$ ialah lat masa setahun bagi pemboleh ubah bersandar. Saiz merupakan pemboleh ubah utama dalam kajian ini yang diukur secara alternatif dan melibatkan logaritma jumlah aset dan pemboleh ubah dami. 1 mewakili bank bersaiz besar (> RM10 bilion) dan 0 bagi bank bersaiz kecil (< RM10 bilion). Kajian ini juga mengambil kira perbezaan tingkah laku dalam

perbankan Islam. Kajian dilaksanakan dengan menganalisa secara relatif prestasi antara perbankan Islam dengan konvensional. α ialah pemintas spesifik bank, ε ialah istilah ralat dan i dan t merujuk kepada bank dan masa. Selain itu, satu set pemboleh ubah kawalan ditentukan seperti yang disarankan menerusi kajian literatur (Minton et al. 2019). Contohnya, Ekuiti-kepada-Aset menggambarkan mengenai daya tahan modal sesebuah bank. Berdasarkan Teori Struktur Modal, modal yang tinggi dapat mengurangkan risiko kebangkrutan dan dapat meningkatkan kestabilan (*Z-score*), namun ia juga boleh menurunkan ROE dan Tobin's Q kerana leveraj yang kurang efisien (Calomiris & Nissim, 2014). Sekuriti-kepada-Aset pula mencerminkan pelaburan dalam aset pasaran. Berdasarkan Teori Kepelbagaian Portfolio, pegangan sekuriti sederhana boleh meningkatkan kestabilan tetapi pendedahan yang berlebihan terhadap risiko pasaran boleh memberikan kesan negatif kepada *Z-score* dan Tobin's Q (Demirgüç-Kunt & Huizinga, 2010). Selanjutnya, pembiayaan Hartanah-kepada-Aset dan pembiayaan Komersial-kepada-Aset dikaitkan dengan risiko kredit. Menurut Teori Kitaran Perniagaan dan Teori Risiko Kredit, pembiayaan yang terlalu menumpukan kepada sektor hartanah dan komersial akan meningkatkan kebarangkalian ketidakupayaan untuk membayar sekali gus menurunkan *Z-score* dan mungkin menjejaskan persepsi nilai pasaran (Tobin's Q) (Minton et al. 2019). Hapus Kira Bersih-kepada-Aset digunakan untuk mengukur kualiti aset. Nilai yang tinggi menandakan berlakunya kerugian pinjaman yang secara teori akan mengurangkan ROE dan *Z-score* melalui peningkatan kos pinjaman tak berbayar dan penghakisan modal (Berger & DeYoung 1997). Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset berdasarkan Hipotesis Pempelbagaian (*Diversification Hypothesis*) menyumbang kepada aspek kestabilan dan meningkatkan ROE serta Tobin's Q kerana mengurangkan kebergantungan kepada margin faedah yang sensitif terhadap kadar pasaran (Laeven & Levine 2007). Nisbah kecekapan pula mewakili kebolehan pihak pengurusan untuk mengawal kos mengikut Teori *X-efficiency*. Kecekapan yang tinggi dijangka akan meningkatkan ROE dan Tobin's Q walaupun sesetengah kes boleh dikompromi jika pelaburan kos diperlukan untuk kestabilan jangka panjang (Hughes & Mester 2013). Seterusnya, Pertumbuhan Aset menggambarkan mengenai strategi pengembangan bank. Teori Pertumbuhan Firma (Penrose 1959) mencadangkan agar pertumbuhan yang sihat dapat meningkatkan nilai pasaran (Tobin's Q), namun pertumbuhan yang agresif tanpa pengurusan risiko bersepadu boleh mengurangkan tahap kestabilan dan memberikan kesan negatif terhadap *Z-score* (Minton et al. 2019). Jadual 2 menyediakan penerangan ringkas mengenai semua pemboleh ubah.

JADUAL 2. Pengukuran pemboleh ubah

Pemboleh Ubah	Pengukuran	Pengarang
<i>Pemboleh Ubah Bersandar:</i>		
Tobin's Q*	Nilai Pasaran/Nilai Buku	Kwiatkowska (2023);Huizinga dan Laeven (2012)
ROE	Pendapatan Bersih/Jumlah Ekuiti	Hawaladar et al. (2022); Minton et al. (2019)
Z-Score	(ROA + Ekuiti-kepada-Aset)/ σ ROA	Mohd. et al. (2024); Demsetz dan Strahan (1997)
<i>Pemboleh Ubah Tidak Bersandar:</i>		
Ekuiti-kepada-Aset	Ekuiti/Jumlah aset	Tarawneh et al. (2024a); Minton et. al (2019)
Sekuriti-kepada-Aset	Sekuriti/Jumlah aset	Minton et al. (2019)
Pembiayaan Hartanah-kepada-Aset	Pembiayaan Hartanah/Jumlah Aset	Minton et al. (2019)
Pembiayaan Komersial-kepada-Aset	Pembiayaan Komersial & Industri/Jumlah Aset	Minton et al. (2019)
Hapus Kira Bersih (Net Charge Off)-kepada-Aset	Hapus Kira Bersih/ Pendapatan Bukan Faedah	Calomiris dan Nissim (2014)
Pendapatan Bukan Faedah (Non-Interest Income)-kepada-Aset	Pendapatan Bukan Faedah/Jumlah aset	Minton et al. (2019) Wang et al. (2024)
Nisbah Kecekapan	Perbelanjaan Bukan Faedah/Jumlah Pendapatan (Jumlah aset1 - Jumlah Aset0)/Jumlah Aset0	Minton et al. (2019) Brewer dan Jagtiani (2013); Hughes dan Mester (2013)
Pertumbuhan Aset	Logaritma Jumlah Aset	Mohd. et al. (2024);
Saiz		
Pemboleh Ubah Dami	Dami yang mengambil nilai 1 = Perbankan Islam dan 0 = Perbankan Konvensional	Tarawneh et al. (2024b); Minton et al. (2019)
Perbankan Islam	Dami yang mengambil nilai 1 = Bank Bersaiz Besar (> RM10 Bilion) dan 0 = Bank Bersaiz Kecil (< RM10 Bilion)	Minton et al. (2019)

Nota: * Pengiraan Tobin's Q bank yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia adalah seperti berikut: Tobin's Q = $[1 + \text{IPI (Hutang/Nilai Buku)}] / [1 - \text{IPI}]$ di mana; IPI, iaitu Intellectual Property Intensity = $[(\text{Nilai Buku} + \text{Goodwill} + \text{Intangible Asset}) - \text{Nilai Buku}] / (\text{Nilai Buku} + \text{Goodwill} + \text{Intangible Asset})$.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis deskriptif di Jadual 3, terdapat perbezaan terhadap beberapa penemuan antara bank besar dengan bank kecil. Contohnya, bank besar cenderung untuk mempunyai nilai Tobin's Q yang lebih tinggi dan Ekuiti-kepada-Aset yang lebih besar, manakala bank kecil cenderung mempunyai ROE yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat juga penemuan yang memperlihatkan tidak terdapat perbezaan yang ketara seperti kepada *Z-score*.

JADUAL 3. Analisis deskriptif

	Sampel Keseluruhan			Bank Besar (>RM10 Bil)			Bank Kecil (< RM10 Bil)		
	Min	Median	Sisihan piawai	Min	Median	Sisihan piawai	Min	Median	Sisihan piawai
Tobin's Q	1.5448	1.0038	1.4420	1.8278	1.0067	1.7649	1.1025	1.0000	0.3840
ROE	6.5994	6.4600	4.4001	6.0656	6.0850	3.9577	7.5484	8.1800	4.9682
Z-score	3.6481	3.5797	0.5384	3.6660	3.5163	0.5864	3.6182	3.6406	0.4472
Ekuiti-kepada-Aset	0.1311	0.0920	0.1325	0.1583	0.1118	0.1414	0.0858	0.0758	0.1014
Pembiayaan Hartanah-kepada-Aset	0.8587	0.9348	0.6169	0.7145	0.7401	0.6349	1.1300	1.0938	0.4789
Pembiayaan komersial-kepada-Aset	0.8081	0.7096	0.5159	0.8121	0.7339	0.5255	0.8013	0.6649	0.5008
Hapus Kira Bersih-kepada-Aset	0.0049	0.0050	0.0051	0.0047	0.0028	0.0067	0.0050	0.0050	0.0000
Sekuriti-kepada-Aset	0.5928	0.5836	0.3251	0.5534	0.5765	0.3259	0.6516	0.6020	0.3160
Pertumbuhan Aset	0.1828	0.0524	1.1998	0.1623	0.0393	0.9849	0.2199	0.0917	1.5178
Nisbah Kecelakaan	0.7096	0.8216	3.8189	0.6174	0.8295	4.7762	0.8727	0.7978	0.2197
Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset	0.0076	0.0062	0.0229	0.0087	0.0075	0.0295	0.0060	0.0059	0.0041

Jadual 4 menunjukkan penemuan penganggaran regresi menggunakan model GMM bagi prestasi bank (*Tobin's Q* dan *ROE*) manakala Jadual 5 memperlihatkan aspek kestabilan bank (*Z-score*). Model 1 merupakan model yang mengambil kira aspek pengukuran saiz secara unit, manakala Model 2 ialah pengukuran saiz yang digunakan dalam bentuk dami saiz, iaitu 1=bank bersamaan bank bersaiz besar, 0=bank bersaiz kecil. Model 3 merupakan model yang mengambil kira pengukuran saiz dalam bentuk unit beserta dami Perbankan Islam.

Hasil dapatan bagi Ujian Sargan menunjukkan bahawa semua model mempunyai nilai $p > 0.05$, sekali gus menggambarkan bahawa instrumen-instrumen yang digunakan sah Sargan (1958). Ini bermakna bahawa instrumen-instrumen tidak berkorelasi dengan Terma Ralat dan Sekatan (*Overidentifying Restrictions*) yang mengenal pasti model adalah betul. Di samping itu, penemuan kedua-dua ujian AR(1) dan AR(2) bagi semua model dilihat selari dengan ujian diagnostik bagi model GMM (Arellano & Bond 1991). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ujian AR(1) mempunyai autokorelasi yang signifikan (nilai $p < 0.05$), sementara ujian AR(2) tidak mempunyai autokorelasi yang signifikan (nilai $p > 0.05$). Ujian AR(1) mengesahkan bahawa terdapat Autokorelasi Tahap Pertama (*First-Order Autocorrelation*) dalam Ralat Perbezaan Pertama (*First-Differenced Errors*). Ujian AR(2) pula mengesahkan kehadiran Autokorelasi Tahap Kedua (*Second-Order Autocorrelation*) dalam Ralat Perbezaan Pertama (*First-Differenced Errors*). Menerusi Model Data Panel Dinamik (DPD) atau GMM, kita dijangka akan menjumpai autokorelasi tahap pertama yang signifikan, iaitu hipotesis asas yang menyatakan bahawa ketiadaan autokorelasi pada tahap pertama akan ditolak. Ketidadaan autokorelasi pada tahap kedua dilihat penting untuk kesahan instrumen dalam penganggaran GMM.

JADUAL 4. Penemuan regresi bagi Tobin's Q dan ROE

	ROE			Tobin's Q			Expected Sign
	(1)	(2)	(3)	(1)	(2)	(3)	
Lat Masa Setahun	0.3512*** (0.0600)	0.3660*** (0.0587)	0.3595*** (0.0643)	0.6566*** (0.0133)	0.5846*** (0.0138)	0.5916*** (0.0154)	
Ekuiti-kepada-Aset	-6.3552*** (1.5734)	-6.0456*** (1.4023)	-6.4461*** (1.6590)	-1.1282*** (0.2869)	-0.8027** (0.2471)	-0.9876** (0.3447)	+/-
Sekuriti-kepada-Aset	0.1335 (0.4791)	0.3418 (0.5074)	0.0788 (0.4940)	0.2121 (0.0418)	0.2548 (0.0450)	0.1055 (0.0854)	+/-
Pembiayaan Hartanah-kepada-Aset	2.1470 (1.0096)	2.1754 (1.0279)	1.9835 (1.0270)	-0.0730 (0.1568)	-0.5186** (0.2069)	-0.3847* (0.1993)	-
Pembiayaan Komersial-kepada-Aset	0.9583 (0.3871)	0.8370 (0.4929)	0.8393 (0.4868)	0.1185 (0.0132)	0.1071 (0.1234)	-0.0794 (0.1519)	-
Hapus Kira Bersih-kepada-Aset	0.2698 (0.1395)	0.4226 (0.2520)	0.2163 (0.1648)	-0.0191 (0.0319)	-0.0169 (0.0345)	-0.0307** (0.0143)	-
Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset	1.2701** (0.5099)	1.7498*** (0.4886)	1.2197** (0.5635)	0.4698*** (0.1139)	0.5007*** (0.1161)	0.3394** (0.1152)	+
Nisbah Kecelakaan	-1.6925 (1.8788)	-3.7049** (2.0521)	-2.2984 (1.8044)	1.4934 (0.2694)	1.6866 (0.1930)	1.3817 (0.2607)	+/-
Pertumbuhan Aset	0.9522 (1.9425)	-0.6816 (2.0370)	0.9249 (2.0366)	1.4498 (0.2694)	1.4891 (0.3122)	1.1978 (0.3560)	+
Saiz	1.4483** (0.5806)		0.9988 (0.8383)	0.3831*** (0.0755)		-0.3162 (0.1348)	+
Dami saiz		2.4182* (1.8557)			2.2672*** (0.2306)		+
Dami Perbankan Islam			-3.3620* (4.0706)			-3.1541*** (0.3306)	-
Konstan	-18.4224** (7.8257)	-0.7574 (5.5678)	-12.3097 (10.0913)	-3.9918*** (0.6338)	0.0072 (0.5398)	4.6816*** (0.9062)	
Bilangan Pemerhatian	116	116	116	116	116	116	
Bilangan Instrumen	28	27	28	28	27	28	
Ujian Sargan	16.5226 (0.4871)	14.0128 (0.5978)	14.1910 (0.5845)	17.5048 (0.3537)	15.9613 (0.3846)	12.8139 (0.6167)	

AR (1)	-1.7332 (0.0831)	-1.8838 (0.0596)	-1.7825 (0.0747)	-1.1855 (0.0235)	-1.3939 (0.0163)	-1.4367 (0.0158)
AR (2)	1.0017 (0.3165)	1.0920 (0.2748)	0.9355 (0.3495)	-1.2496 (0.2039)	-1.2169 (0.3092)	-1.2779 (0.3281)

JADUAL 5. Penemuan regresi bagi kestabilan Bank (*Z-Score*)

	<i>Z-score</i>			<i>Expected Sign</i>
	(1)	(2)	(3)	
Lat masa setahun	0.9499*** (0.0618)	0.9518*** (0.0380)	0.8870*** (0.1004)	
Ekuiti-kepada-Aset	-0.0194 (0.0537)	0.0495 (0.0413)	0.0238 (0.0703)	+/-
Sekuriti-kepada-Aset	-0.0409*** (0.0142)	-0.0471*** (0.0148)	-0.0434** (0.0177)	+/-
Pembiayaan Hartanah-kepada-Aset	-0.0843*** (0.0218)	-0.1204*** (0.0425)	-0.0745*** (0.0212)	-
Pembiayaan Komersial-kepada-Aset	-0.0623*** (0.0169)	-0.0323 (0.0227)	-0.0589*** (0.0184)	-
Hapus Kira Bersih-kepada-Aset	-0.0130 (0.0080)	-0.0109** (0.0053)	-0.0183* (0.0094)	-
Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset	0.0048 (0.0173)	-0.0027 (0.0163)	0.0108 (0.0177)	+
Nisbah Kecekapan	-0.0099 (0.0435)	-0.0346 (0.0396)	-0.0189 (0.0366)	+/-
Pertumbuhan Aset	-0.4322*** (0.0587)	-0.5353*** (0.0447)	-0.3892*** (0.0801)	+
Saiz	-0.0382 (0.0185)		-0.0313 (0.0191)	+
Dami Saiz		0.0718 (0.0795)		+
Dami Perbankan Islam			0.0315 (0.0901)	-
Konstan	0.6383** (0.2907)	0.4121** (0.1808)	0.8792** (0.4051)	
Bilangan Pemerhatian	116	116	116	
Bilangan Instrumen	28	27	28	
Ujian Sargan	17.2698 (0.4362)	14.9145 (0.5309)	17.8125 (0.3350)	
AR(1)	-2.1764 (0.0295)	-2.2006 (0.0278)	-2.1515 (0.0314)	
AR(2)	0.8310 (0.4060)	0.5793 (0.5624)	0.8323 (0.4052)	

Jadual 4 dan 5 menunjukkan bahawa saiz berhubungan secara positif dengan prestasi bank yang diukur melalui *ROE* dan *Tobin's Q*, namun tidak signifikan bagi *Z-score*. Hubungan positif yang signifikan antara saiz dengan Pulangan Terhadap Ekuiti (*ROE*) (1.4483, $p < 0.05$) menunjukkan bahawa institusi perbankan yang lebih besar cenderung untuk merekodkan pulangan ekuiti yang lebih tinggi. Ini dapat dijelaskan melalui kelebihan skala yang diperoleh oleh bank besar termasuk keberkesanan operasi yang lebih tinggi dan keupayaan untuk mengoptimalkan penggunaan modal. Saiz institusi perbankan yang besar juga mungkin membolehkan mereka melabur dalam teknologi dan inovasi yang akan meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing.

Begitu juga aspek saiz turut dilihat mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan *Tobin's Q* (0.3831, $p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa pasaran menilai institusi perbankan bersaiz besar sebagai institusi yang lebih bernilai. Penemuan ini mencerminkan mengenai persepsi pasaran yang memperlihatkan bank bersaiz besar menawarkan prestasi yang lebih baik, reputasi yang kukuh dan keupayaan untuk menyerap kejutan kewangan. Penilaian pasaran yang lebih tinggi bagi bank bersaiz besar ini boleh dikaitkan dengan konsep Terlalu Besar untuk Gagal (*Too Big To Fail* - TBTF), iaitu institusi yang lebih besar dilihat sebagai entiti yang terlalu penting untuk gagal kerana kegagalan mereka boleh memberikan kesan sistemik kepada keseluruhan sektor kewangan sesebuah negara. Persepsi ini sering membawa kepada sokongan tambahan daripada pihak kerajaan atau pengawal selia, sama ada dalam bentuk penyelamatan atau keutamaan peraturan. Ia seterusnya akan meningkatkan keyakinan para pelabur terhadap institusi perbankan bersaiz besar. Menurut Li et al. (2024), konsep TBTF ini menggambarkan bahawa bank bersaiz besar mampu bergantung kepada kapital, jenama dan kelebihan sumber-sumber lain untuk mencapai keuntungan dan mendahului kedudukan dalam industri perbankan. Bagi bank bersaiz kecil dan sederhana pula, mereka mungkin akan berhadapan dengan kesukaran untuk berkembang berikutan sumber yang terhad. Selain itu, bank dengan tahap kecairan yang tinggi, kecekapan operasi yang lebih tinggi dan nisbah deposit yang lebih besar mampu menjadi lebih berdaya tahan berbanding dengan bank yang tidak mempunyai kelebihan tersebut (Adem 2022). Ioannau et al. (2018) menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa peranan bank adalah untuk mempromosikan kecekapan keseluruhan dalam urusan niaga ekonomi. Maka, konsep TBTF menunjukkan bahawa bank bersaiz besar dilihat sesuai untuk melaksanakan tugas ini dengan kelebihan-kelebihan yang mereka miliki.

Tambahan pula, penggunaan pemboleh ubah Dami Saiz dilihat mengukuhkan dapatan ini. Institusi perbankan yang dikategorikan sebagai “besar” menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dengan *ROE* (2.4182, $p < 0.10$) dan *Tobin's Q* (2.2672, $p < 0.01$). Ia menunjukkan kelebihan daya saing institusi besar

untuk meningkatkan keuntungan dan reputasi pasaran. Penemuan ini selari dengan Teori Skala Ekonomi yang menyatakan bahawa institusi berskala besar mampu menyebarkan kos tetap mereka kepada bilangan operasi yang lebih besar, sekali gus meningkatkan keberkesanan kos dan juga margin keuntungan. Kajian Grzeta et al. (2023) mendapati bahawa bank bersaiz besar lebih mampu untuk menyesuaikan diri dengan peraturan kewangan di bawah rangka kerja Basel III. Ia seterusnya menyumbang kepada keberkesanan operasi dan prestasi kewangan mereka. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nguyen et al. (2020) juga menyokong penemuan ini, iaitu saiz bank menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan prestasi kewangan termasuk ROE dan Tobin's Q. Dapatan ini menunjukkan bahawa saiz bank yang besar akan memberikan kelebihan daya saing melalui keupayaan untuk mengakses modal dengan kos yang lebih rendah, reputasi yang kukuh dan keupayaan untuk memanfaatkan peluang pasaran yang lebih baik.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa hubungan antara saiz bank dengan kestabilan kewangan yang diukur melalui *Z-Score* tidak signifikan. Walaupun terdapat tanda hubungan negatif dalam model regresi, statistik tidak signifikan ini menunjukkan bahawa saiz bank tidak mempunyai kesan yang konsisten atau bermakna terhadap kestabilan kewangan mereka. Ini mencerminkan bahawa faktor saiz tidak memainkan peranan utama untuk mempengaruhi aspek kestabilan kewangan, sama ada ke arah positif atau negatif. Keadaan ini boleh dijelaskan menerusi beberapa kemungkinan. Pertama, kestabilan kewangan mungkin lebih bergantung kepada faktor lain seperti kualiti pengurusan risiko, komposisi aset atau tahap kecairan sesebuah institusi (Meiselman et al. 2023) dan bukannya saiz semata-mata. Bank bersaiz besar mungkin mempunyai kelebihan terhadap sumber dan skala tetapi mereka juga menghadapi cabaran yang lebih kompleks untuk mengurus risiko, terutamanya yang berkaitan dengan operasi berskala besar dan pendedahan kepada pelbagai segmen pasaran. Kedua, persepsi TBTF yang sering dikaitkan dengan institusi besar boleh menghasilkan dua kesan yang bertentangan. Bagi satu pihak, ia boleh meningkatkan tahap keyakinan pasaran dalam institusi besar tetapi sebaliknya ia boleh menyebabkan berlaku Bahaya Moral (*Moral Hazard*), iaitu bank besar mengambil risiko yang lebih tinggi dengan keyakinan bahawa mereka akan disokong sekiranya berlaku kegagalan. Kedua-dua kesan ini boleh mengimbangkan satu sama lain sekaligus menyebabkan saiz tidak mempunyai kesan yang ketara terhadap aspek kestabilan kewangan bank. Rumusannya, walaupun bank bersaiz besar mempunyai prestasi keuntungan yang lebih tinggi (yang digambarkan dengan ROE dan Tobin's Q), namun ia tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap aspek kestabilan bank (*Z-score*).

Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa perbankan Islam mempunyai ROE dan Tobin's Q yang lebih rendah berbanding dengan perbankan konvensional, namun tiada perbezaan yang ketara jika dilihat menerusi konteks kestabilan bank. ROE dan Tobin's Q didapati lebih rendah dalam perbankan Islam. Ini mungkin disebabkan oleh pematuhan kepada prinsip syariah yang melarang riba dan spekulasi serta mengehadkan sumber pendapatan tertentu yang terdapat dalam perbankan konvensional. Di samping itu, tumpuan terhadap pembiayaan berasaskan aset dengan margin keuntungan yang lebih rendah turut mempengaruhi prestasi kewangan mereka. Model operasi konservatif ini juga mencerminkan bahawa terdapat keutamaan untuk kestabilan jangka panjang. Ia didorong oleh pendekatan risiko secara bersama dan mengelakkan pembiayaan berisiko tinggi sekaligus menjadikan pulangan kewangan mereka lebih stabil walaupun kurang kompetitif.

Walaupun begitu, pendekatan konservatif ini menyediakan asas yang kukuh untuk kestabilan kewangan yang setara dengan perbankan konvensional. Jarbou et al. (2024) mendapati prestasi kestabilan perbankan Islam setanding dengan perbankan konvensional dalam konteks negara *Organisation Of Islamic Cooperation* (OIC), tanpa perbezaan ketara berdasarkan rangka kerja CAMEL. Beberapa penyelidik dari pelbagai negara telah menggunakan analisis Model *Capital, Asset Quality, Management, Earning and Liquidity* (CAMEL) ialah model yang digunakan untuk menilai aspek prestasi sesebuah bank (Karri et al. 2015; Ledhem et al. 2020). Pengurusan bank telah menerima pakai penarafan bank CAMEL sebagai cara untuk mengukur prestasi bank dan status kewangan. Prestasi institusi perbankan di seluruh dunia telah diukur menggunakan model CAMEL termasuk Bank Dunia, Bank Pembangunan Afrika, Bank Pembangunan Asia, Bank Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dan badan kawal selia yang lain. Menerusi analisis CAMEL, prestasi dan kekukuhan perbankan diukur menggunakan pelbagai nisbah kewangan termasuk kualiti aset, kecukupan modal, kecekapan pengurusan, pendapatan dan keuntungan, kecairan serta sensitiviti risiko pasaran (Bhatti et al. 2022). Dapatan ini selaras dengan kajian Wahab dan Roslan (2021) yang menegaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap prestasi antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional di peringkat global. Ketiadaan perbezaan ini menunjukkan bahawa perbankan Islam mampu mengimbangkan cabaran dengan kehadiran sistem pengurusan risiko yang baik.

Bagi pemboleh ubah kawalan, nisbah Ekuiti-kepada Aset dapat mempengaruhi secara negatif ROE dan Tobin's Q. Nisbah Ekuiti-kepada-Aset yang tinggi menunjukkan bahawa syarikat mempunyai lebih banyak ekuiti berbanding dengan aset keseluruhan, dapat mengurangkan leveraj kewangan seterusnya menurunkan ROE kerana keuntungan diagihkan kepada lebih banyak pemegang saham. Ini juga menyebabkan pasaran melihat syarikat sebagai kurang efisien dalam menggunakan leveraj yang menurunkan Tobin's Q. Penggunaan hutang yang lebih tinggi (nisbah ekuiti yang lebih rendah) boleh meningkatkan ROE kerana hutang merupakan sumber pembiayaan yang lebih murah berbanding dengan ekuiti (Ariningrum & Sari 2023). Ini akan meningkatkan leveraj dan berpotensi untuk meningkatkan pulangan kepada ekuiti jika syarikat menghasilkan pulangan yang lebih tinggi

berbanding dengan kos hutang. Walaupun nisbah ekuiti yang lebih tinggi akan menunjukkan syarikat lebih stabil dan berisiko rendah, ia tidak semestinya bertindak sebagai satu pelaburan yang memberikan pulangan tinggi, iaitu *Tobin's Q* dilihat lebih rendah.

Bagi Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset, ia mempunyai hubungan yang positif terhadap *ROE* dan *Tobin's Q*. Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset yang tinggi menunjukkan sumber pendapatan yang lebih stabil seperti yuran perkhidmatan dan komisen. Ia dilihat dapat meningkatkan *ROE* kerana pendapatan ini kurang bergantung kepada keadaan pasaran dan risiko kredit. Pasaran juga menghargai kestabilan dan kepelbagaian sumber pendapatan yang meningkatkan penilaian pasaran syarikat seterusnya meningkatkan *Tobin's Q*.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa pembiayaan Hartanah-kepada-Aset berhubungan secara negatif dengan *Tobin's Q*. Hubungan negatif dengan pembiayaan hartanah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan terhadap pembiayaan hartanah. Ia dilihat cenderung untuk menurunkan penilaian pasaran bank berbanding dengan nilai asetnya. Sesebuah bank yang mempunyai nisbah pembiayaan hartanah yang tinggi mungkin akan memberikan sebahagian besar pinjamannya kepada projek-projek hartanah seperti pembangunan perumahan atau komersial. Jika pasaran hartanah menghadapi kemerosotan, projek-projek ini mungkin tidak dapat diselesaikan atau dijual selaras dengan nilai yang diharapkan sehingga mengakibatkan berlakunya kegagalan pembayaran balik pinjaman oleh pemaju hartanah. Ini akan meningkatkan jumlah pinjaman tak berbayar dan mengurangkan kualiti aset bank, seterusnya menurunkan penilaian pasaran bank tersebut (*Tobin's Q*). Ringkasnya, hubungan negatif antara pembiayaan Hartanah-kepada-Aset dengan *Tobin's Q* menunjukkan bahawa peningkatan pinjaman terhadap sektor hartanah yang berisiko tinggi cenderung untuk menurunkan penilaian pasaran bank berbanding dengan nilai penggantian asetnya. Ini disebabkan oleh risiko ketidakstabilan pasaran hartanah, leveraj berlebihan, kos pembiayaan yang tinggi dan kurangnya diversifikasi dalam portfolio pinjaman bank.

Berbeza dengan *ROE* dan *Tobin's Q*, aspek kestabilan bank yang diukur menggunakan *Z-score* tidak dipengaruhi oleh faktor saiz, jenis sistem perbankan, nisbah Ekuiti-kepada-Aset dan nisbah Pendapatan Bukan Faedah-kepada-Aset. Sebaliknya, pembiayaan Hartanah-kepada-Aset, pembiayaan Komersial-kepada-Aset, nisbah Sekuriti-kepada-Aset, Hapus Kira Bersih-kepada-Aset dan pertumbuhan aset didapati mempengaruhi tahap kestabilan sesebuah bank secara negatif. Dapatan ini selari dengan Abdul-Rahman et al. (2017) yang mendapati bahawa struktur pemberian pinjaman mempengaruhi risiko kecairan bank. Peruntukan yang lebih tinggi kepada pemberian pinjaman kepada sektor hartanah, pinjaman komersial dan industri, pemilikan sekuriti, Hapus Kira Bersih dan pertumbuhan aset dikaitkan dengan *Z-score* yang lebih rendah, sekali gus membawa kepada berlakunya peningkatan risiko dan penurunan tahap kestabilan terhadap sesebuah bank.

Perkaitan negatif antara nisbah pinjaman hartanah kepada aset dengan aspek kestabilan bank boleh dikaitkan dengan risiko yang wujud dalam pasaran hartanah dan sifat kitaran nilai hartanah. Pinjaman hartanah biasanya dalam tempoh jangka masa yang panjang dan akan membawa pendedahan yang ketara terhadap kitaran ekonomi dan turun naik pasaran hartanah. Semasa berlakunya masalah kemelesetan ekonomi, pasaran hartanah boleh mengalami kemerosotan nilai hartanah dan peningkatan kadar mungkir gadai janji sehingga membawa kepada kerugian pinjaman yang besar dan kemerosotan kualiti aset bagi bank (Chen et al. 2023). Ia sekali gus mengurangkan tahap kestabilan bank tersebut seperti yang ditunjukkan menerusi *Z-score* yang lebih rendah. Selain itu, pasaran hartanah sering dipengaruhi oleh gelembung spekulatif yang memperlihatkan harga hartanah didorong sehingga ke tahap yang tidak mampan. Apabila gelembung ini pecah, pembetulan pasaran yang terhasil boleh memberikan kesan yang teruk terhadap bank yang mempunyai pendedahan pinjaman hartanah yang tinggi. Begitu juga hubungan negatif antara nisbah pinjaman komersial dan perindustrian kepada aset dengan aspek kestabilan bank yang berlaku disebabkan oleh perniagaan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana, iaitu boleh berhadapan dengan aliran pendapatan yang tidak menentu dan lebih terdedah kepada masalah kemungkiran semasa kegawatan ekonomi. Justeru, risiko kredit bagi pinjaman komersial dan perindustrian boleh menghakis kualiti aset dan aspek kestabilan kewangan sesebuah bank. Tambahan pula, penilaian dan pengurusan risiko yang tidak mencukupi bagi sektor ini boleh menyebabkan berlakunya kerugian pinjaman yang ketara, seterusnya akan menjejaskan aspek kestabilan bank. Selain itu, sektor komersial dan perindustrian terdedah kepada kitaran ekonomi, perubahan peraturan serta persaingan pasaran yang kesemuanya boleh memberikan kesan terhadap keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman.

Dapatan memperlihatkan bahawa nisbah pemilikan Sekuriti-kepada-Aset yang lebih tinggi dikaitkan secara negatif dengan kestabilan bank. Ini menunjukkan bahawa bank yang mempunyai jumlah yang lebih besar bagi aset mereka dalam sekuriti lebih terdedah kepada masalah ketidakstabilan (Yuan et al. 2022). Hubungan songsang ini boleh dijustifikasikan dengan kewujudan risiko berkaitan dengan pelaburan sekuriti. Pulangan sekuriti, terutamanya yang tidak disokong Kerajaan boleh menjadi sangat tidak menentu dan tertakluk kepada turun naik pasaran. Semasa tempoh kemelesetan pasaran atau ketidakstabilan ekonomi, nilai sekuriti ini boleh merudum. Ia akan membawa kepada kerugian yang besar bagi pihak bank. Risiko pasaran ini diterjemahkan kepada *Z-score* yang lebih rendah. Ia menandakan berlakunya penurunan dalam aspek kestabilan. Tambahan pula, pelaburan sekuriti selalunya melibatkan risiko kecairan. Semasa berlakunya kemelesetan ekonomi, menjual sekuriti bagi memenuhi obligasi jangka pendek boleh memburukkan lagi masalah ketidakstabilan bank. Oleh itu, bank yang

bergantung kepada pelaburan sekuriti mungkin mendapati bahawa mereka lebih terdedah kepada masalah kemervuhan pasaran dan krisis kecairan yang memberikan kesan negatif terhadap aspek kestabilan bank.

Seterusnya, kesan negatif bagi nisbah Hapus Kira Bersih-kepada-Aset terhadap aspek kestabilan bank membuktikan mengenai kesan buruk kerugian pinjaman kepada kesihatan kewangan bank. Hapus Kira Bersih mewakili pinjaman yang telah dianggap oleh pihak bank sebagai pinjaman yang tidak boleh dikutip. Nisbah Hapus Kira Bersih yang lebih tinggi menunjukkan kualiti kredit yang lemah dan situasi mungkir pinjaman yang lebih tinggi. Kerugian pinjaman ini secara langsung mengurangkan modal dan pendapatan bank sekaligus menjejaskan keupayaannya untuk menyerap kerugian pada masa depan bagi mengekalkan tahap kestabilan kewangan. Selain itu, Hapus Kira Bersih yang tinggi mencerminkan kelemahan amalan pengurusan risiko kredit bank. Ini menunjukkan bahawa bank mungkin tidak menilai dan mengurangkan risiko kredit dengan secukupnya. Kemerosotan dalam kualiti aset ini boleh membawa kepada peningkatan keperluan peruntukan, seterusnya membebankan sumber kewangan bank seperti yang dibuktikan dengan *Z-score* yang lebih rendah.

Wasiuzzaman dan Gunasegavan (2013) mendapati bahawa prestasi perbankan konvensional lebih baik dibandingkan dengan perbankan Islam menerusi kajian pada tahun 2004 hingga 2009. Kenyataan ini disokong oleh Wahid dan Dar (2016) yang mendapati bahawa perbankan Islam di Malaysia kurang stabil berbanding dengan perbankan konvensional manakala bank Islam yang bersaiz kecil dilihat lebih stabil berbanding dengan bank konvensional yang bersaiz kecil. Walau bagaimanapun, kajian Majdina et al. (2019) terhadap kecekapan sektor perbankan Islam dan perbankan konvensional menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara antara kedua-duanya. Dapatan ini bertentangan dengan dapatan kajian Miah et al (2020) dan Hussain et al. (2024) yang menyatakan bahawa bank Islam lebih stabil berbanding dengan bank konvensional. Saiz bank Islam meskipun lebih kecil berbanding dengan bank konvensional, pertumbuhan aset, kecairan dan kepelbagaian pendapatan dilihat lebih baik berbanding dengan bank konvensional. Tambahan lagi, bank Islam mempunyai nilai *lerner* yang lebih tinggi (0.33) berbanding dengan bank konvensional (0.28). Kajian yang dijalankan oleh Khairunnas & Nahda (2023) mengenai prestasi sistem perbankan Islam dan konvensional di lapan negara berbeza, iaitu Indonesia, Malaysia, Bangladesh, Pakistan, Saudi Arabia, Oman, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada tahun 2013 sehingga 2021 menemukan bahawa bank Islam telah menunjukkan prestasi kewangan yang stabil berbanding dengan perbankan konvensional menerusi aspek *Z-score*. Ujian *robustness* turut mengesahkan bahawa perbankan Islam kekal konsisten dengan perkembangan yang stabil berbanding dengan perbankan konvensional. Penemuan ini disokong dengan hasil kajian Fardila et al. (2020) yang melakukan ujian penilaian perbezaan prestasi perbankan Islam dengan perbankan konvensional di Indonesia. Hasil kajian mendapati bahawa kadar keuntungan bank Islam di Indonesia lebih tinggi berbanding dengan bank konvensional.

Selain itu, penemuan mengenai pertumbuhan aset yang lebih tinggi dikaitkan secara negatif dengan aspek kestabilan bank menunjukkan tentang potensi risiko yang muncul akibat perkembangan pesat. Pertumbuhan aset yang pesat boleh menjejaskan sumber dan keupayaan pengurusan bank. Ia membawa kepada penilaian dan pengawasan risiko yang tidak mencukupi. Apabila bank mengembangkan aset dengan cepat, mereka mungkin menurunkan piawaian pemberian pinjaman mereka untuk mencapai sasaran pertumbuhan. Ini menyebabkan mereka memberikan pinjaman atau membuat pelaburan yang berisiko tinggi. Ia boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya aset tidak dibayar dan kemungkiran pinjaman. Justeru, memberikan kesan buruk terhadap aspek kestabilan bank (BNM 2017). Tambahan pula, pertumbuhan pesat selalunya memerlukan perbelanjaan modal yang ketara dan pengembangan operasi yang boleh mengurangkan rizab modal dan kecairan bank. Pertumbuhan berlebihan ini juga boleh mendedahkan bank kepada kejutan ekonomi dan turun naik pasaran. Oleh itu, walaupun pertumbuhan aset boleh menjadi petanda perkembangan dan kejayaan sesebuah bank, pertumbuhan yang tidak terkawal dan pesat boleh menjejaskan pengurusan risiko dan kestabilan kewangannya.

IMPLIKASI TEORI

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap literatur berkaitan Teori Terlalu Besar untuk Gagal (TBTF) dan hubungannya dengan aspek prestasi dan kestabilan bank. Penemuan bahawa saiz bank mempunyai kesan positif kepada *ROE* dan *Tobin's Q* menyokong teori TBTF. Ini menunjukkan bahawa bank yang lebih besar akan menikmati kelebihan tertentu seperti akses kepada dana yang lebih murah dan sokongan kerajaan terhadap situasi krisis sebagaimana hasil dapatan Chaarani et al. (2023); Teixeira (2021) dan Abiad et al. (2025), iaitu bank yang bersaiz besar akan menghasilkan kesan yang positif terhadap *ROE*. Penemuan kajian ini memberikan bukti empirikal dalam konteks di Malaysia bahawa bank bersaiz besar mungkin mempunyai kelebihan daya saing yang tidak dinikmati oleh bank bersaiz kecil.

Selain itu, Hipotesis Kepelbagaian juga disokong oleh penemuan ini yang menunjukkan bahawa bank yang lebih besar dapat mempelbagaikan risiko mereka dengan lebih berkesan melalui pelbagai produk dan perkhidmatan. Ia sekali gus dapat meningkatkan tahap kestabilan dan prestasi kewangan mereka. Walau bagaimanapun, dapatan bahawa saiz bank tidak menjejaskan kestabilan bank yang diukur melalui *Z-score* menunjukkan bahawa skala ekonomi dan kelebihan kepelbagaian mungkin tidak mencukupi untuk meningkatkan tahap kestabilan bank dengan ketara. Ini menunjukkan bahawa walaupun bank bersaiz besar boleh mencapai

prestasi kewangan yang lebih baik, mereka mungkin masih terdedah kepada risiko sistemik yang sama seperti bank bersaiz kecil.

Hipotesis Kuasa Pasaran dan Skala Ekonomi juga relevan dalam konteks ini. Bank yang lebih besar mungkin mempunyai kuasa pasaran yang lebih besar, membolehkan mereka mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi terhadap pinjaman dan kadar yang lebih rendah terhadap deposit sekali gus meningkatkan margin keuntungan mereka. Walau bagaimanapun, Teori Terlalu Besar untuk Diurus (TBTM) menekankan bahawa bank yang terlalu besar mungkin menjadi terlalu kompleks untuk diurus dengan berkesan dan boleh membawa kepada masalah ketidakcekapan dan risiko yang lebih tinggi.

Selain itu, kajian ini turut menyentuh mengenai aspek Teori Tadbir Urus Korporat. Bank yang lebih besar memerlukan struktur tadbir urus yang lebih kompleks dan teguh untuk memastikan pematuhan dan pengurusan risiko yang berkesan. Dapatan menunjukkan bahawa perbankan Islam memperlihatkan prestasi yang lebih rendah dari segi *ROE* dan *Tobin's Q* tetapi tidak menunjukkan perbezaan yang ketara terhadap tahap kestabilan sesebuah bank. Ini menunjukkan bahawa struktur dan amalan tadbir urus dalam perbankan Islam mungkin berbeza dan memerlukan pendekatan yang lebih khusus.

IMPLIKASI PENGURUSAN

Dapatan kajian ini didapati signifikan terhadap pengurus bank dan pembuat keputusan strategik di institusi kewangan seperti lembaga pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Jawatankuasa Syariah bagi institusi-institusi kewangan Islam. Pengurus bank harus mengambil perhatian bahawa saiz bank mempunyai kesan yang besar terhadap prestasi kewangan. Bank yang lebih besar boleh memanfaatkan skala ekonomi dan akses kepada sumber dana yang lebih murah. Walau bagaimanapun, pengurus bank juga perlu berhati-hati dengan risiko yang datang. Pertumbuhan pesat dan pembiayaan hartanah yang tinggi boleh menjejaskan tahap kestabilan sesebuah bank. Oleh itu, pengurus bank perlu mengimbangkan aspek pertumbuhan aset dan pengurusan risiko yang berkesan. Di samping itu, perbankan Islam perlu meningkatkan daya saing mereka dengan mengukuhkan model perniagaan dan mengoptimumkan sumber Pendapatan Bukan Faedah untuk meningkatkan *ROE* dan *Tobin's Q*.

IMPLIKASI DASAR

Kajian ini memberikan panduan kepada penggubal dasar untuk menggubal dasar yang menyokong aspek kestabilan dan prestasi sektor perbankan. Walaupun bank yang lebih besar boleh menjadi lebih cekap, mereka juga boleh terdedah kepada risiko sistemik. Oleh itu, dasar-dasar perlu mengimbangkan usaha menggalakkan pertumbuhan dan mengekalkan sistem kewangan yang stabil. Selain itu, pembuat dasar harus mempertimbangkan untuk memperkenalkan langkah-langkah yang menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan dalam industri perbankan untuk mencapai skala ekonomi yang lebih besar, terutamanya bagi bank-bank bersaiz kecil. Di samping itu, peraturan yang lebih ketat dan pemantauan yang lebih teliti perlu digunakan untuk mengawal risiko yang berkaitan dengan pembiayaan hartanah dan pertumbuhan aset yang pesat. Pembuat dasar juga harus memberikan sokongan khusus kepada perbankan Islam untuk memastikan mereka dapat bersaing dengan perbankan konvensional. Ia mungkin melalui insentif cukai atau sokongan kewangan untuk inovasi produk patuh syariah. Akhir sekali, persekitaran kawal selia yang kukuh dan stabil dilihat penting untuk memastikan keseluruhan sektor perbankan dapat berkembang dengan mampan dan selamat.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara saiz dan prestasi bank perdagangan di Malaysia bagi tempoh 2011-2020 dengan mengambil kira sistem perbankan dual yang melibatkan perbankan Islam dan perbankan konvensional. Hasil daripada analisis *General Method of Moments (GMM)* menunjukkan bahawa saiz bank memberikan kesan yang positif terhadap Pulangan Ekuiti (*ROE*) dan Nilai Pasaran Bank (*Tobin's Q*). Ini bermakna bank yang lebih besar cenderung untuk memiliki *ROE* dan *Tobin's Q* yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa saiz bank tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap aspek kestabilan sesebuah bank yang diukur melalui *Z-score*. Penemuan ini menyokong Teori Terlalu Besar untuk Gagal (TBTG) yang menyatakan bahawa bank bersaiz besar memiliki kelebihan tertentu seperti akses kepada dana yang lebih murah dan sokongan kerajaan semasa krisis. Ia seterusnya akan meningkatkan prestasi kewangan mereka. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa bank dengan aset lebih daripada RM10 bilion memiliki *ROE* dan *Tobin's Q* yang lebih tinggi berbanding dengan bank bersaiz kecil. Ini menunjukkan bahawa saiz sesebuah bank di Malaysia memainkan peranan penting untuk memacu prestasi kewangan. Malah, pertumbuhan saiz bank dilihat penting untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan bank dan agihan sumber.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa perbankan konvensional menghasilkan prestasi yang lebih baik dari segi *ROE* dan *Tobin's Q* berbanding dengan Perbankan Islam, namun tidak ada perbezaan yang signifikan

terhadap aspek kestabilan bank untuk kedua-dua jenis perbankan ini. Walaupun keuntungan dalam perbankan Islam lebih rendah, tahap kestabilan bank ini dilihat setara dengan perbankan konvensional. Ini sejajar dengan matlamat utama sistem kewangan di Malaysia, iaitu untuk mewujudkan sistem perbankan yang stabil dan pengurusan risiko yang mantap. Penemuan juga menunjukkan bahawa nisbah Ekuiti-kepada Aset telah memberikan kesan negatif kepada *ROE* dan *Tobin's Q*. Sebaliknya, pendapatan kepada aset bukan faedah mempunyai hubungan positif dengan *ROE* dan *Tobin's Q*. Ini menunjukkan bahawa sumber pendapatan yang lebih stabil seperti yuran perkhidmatan dan komisen boleh meningkatkan prestasi kewangan sesebuah bank. Walau bagaimanapun, pembiayaan Hartanah-kepada-Aset didapati mempunyai hubungan negatif dengan *Tobin's Q*. Ia mencerminkan bahawa terdapat risiko yang tinggi terhadap sektor hartanah yang boleh menjejaskan penilaian pasaran sesebuah bank.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira. Pertama, tempoh kajian yang terhad kepada 2011-2020 mungkin tidak dapat mencerminkan perubahan struktur jangka panjang dalam sektor perbankan. Kedua, data yang digunakan hanya meliputi bank perdagangan di Malaysia tanpa mengambil kira bank pembangunan atau institusi kewangan bukan bank yang mungkin mempunyai dinamik berbeza. Ketiga, kajian ini tidak mengambil kira faktor luaran seperti perubahan persekitaran ekonomi global atau krisis kewangan yang boleh menjejaskan prestasi dan kestabilan sesebuah bank. Justeru, kajian akan datang boleh menyelidiki beberapa hala tuju bagi meluaskan pemahaman tentang hubungan antara saiz bank dengan aspek prestasi. Pertama, kajian yang meliputi tempoh masa yang lebih lama dan termasuk peristiwa penting ekonomi utama seperti krisis kewangan global boleh memberikan pandangan yang lebih menyeluruh. Kedua, memperluas skop kajian untuk memasukkan jenis institusi kewangan lain seperti bank pembangunan dan institusi kewangan bukan bank. Ia boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang sektor kewangan. Ketiga, kajian perbandingan antara negara boleh dijalankan untuk memahami aspek persekitaran ekonomi dan kawal selia yang berbeza serta mempengaruhi hubungan ini. Keempat, penyelidikan lanjut boleh memberikan tumpuan kepada pengaruh faktor luaran seperti dasar kewangan dan fiskal, perubahan dalam teknologi kewangan (*fintech*) dan isu geopolitik.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah disokong oleh geran penyelidikan dengan kod EP-2020-003. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak UKM-YTI yang menawarkan geran ini. Sokongan yang diberikan amat berharga untuk memastikan kejayaan dan pencapaian hasil penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abu Khalaf, B., Awad, A.B. & Ellis, S. 2024. The impact of non-interest income on commercial bank profitability in the Middle East and North Africa (MENA) region. *Journal of Risk and Financial Management* 17(3): 1-15.
- Ab-Hamid, M.F., Abdul-Rahman, A., Abdul-Majid, M. & Janor, H. 2017. Bank market risk and efficiency of commercial banks in Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 51: 249-259.
- Abdul-Rahman, A., Said, N.L.H.M. & Sulaiman, A.A. 2017. Financing structure and liquidity risk: Lesson from Malaysian experience. *Journal of Central Banking Theory and Practice* 6(2): 125-148.
- Abdul-Rahman, A. & Gholami, R. 2020. Islamic finance and COVID-19 recovery: The role profit-loss sharing contract. *Jurnal Pengurusan* 59: 7-10.
- Adams, R.B. & Mehran, H. 2012. Bank board structure and performance: Evidence for large bank holding companies. *Journal of financial Intermediation* 21(2): 243-267.
- Adem, M. 2023. Impact of income diversification on bank stability: a cross-country analysis. *Asian Journal of Accounting Research* 8(2): 133-144.
- Agarwal, S., E. Benmelech, N. Bergman, and A. Seru. 2012. Did the Community Reinvestment Act (CRA) lead to risky lending? Working Paper.
- Ahmad Nurkhin, Kusmuriyanto, Widiyanto Widiyanto, Anna Kania Widiatami and Ida Nur Aeni. 2023. Do corporate governance implementation and bank characteristics improve the performance of Indonesian Islamic banking? Before- COVID-19 pandemic analysis. *Banks and Bank Systems* 18(3): 126-135.
- Alharbi, A.T. 2017. Determinants of Islamic banks' profitability: international evidence. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 10(3): 331-350.
- Ali, S., Hussain, N. & Iqbal, J. 2020. Corporate governance and the insolvency risk of financial institutions. *The North American Journal of Economics and Finance* 55.
- Altinoglu, L. & Stiglitz, J.E. 2023. Collective moral hazard and the interbank market. *American Economic Journal Macroeconomics* 15(2).
- Antao, S. & Karnik, A. 2022. Bank performance and noninterest income: Evidence from countries in the Asian Region. *Asia-Pacific Financial Market* 29: 477-505.

- Arellano, M. & Bond, S. 1991. Some tests of specification for panel data: Monte Carlo evidence and an application to employment equations. *Review of Economic Studies* 58(2): 277–297.
- Ariningrum, H. & Sari, M.I. 2023. The effect of profitability and leverage on tax avoidance in property and real estate companies listed on the Indonesia stock exchange in 2018-2020. *eCo-Buss* 5(3.).
- Asongu, S.A. & Odhiambo, N.M. 2019. Size, efficiency, market power, and economies of scale in the African banking sector. *Financial Innovation*.
- Baker, H., Kaddumi, T.A., Nassar, M.D. & Muqattash, R.S. 2023. Impact of Financial Technology on Improvement of Banks' Financial Performance. *Journal of Risk and Financial Management* 16(4).
- Bangun, N. 2019. The effect of Csr, credit interest, and bank size on financial performance. *Jurnal Akuntansi* 23(2): 177-195.
- Bank Negara Malaysia. 2017. *Bank Negara Malaysia: Financial Stability and Payment Systems Report 2016*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Baral, R. & Patnaik, D. 2021. Banking governance parameters differentiated by size: impact on agency cost. *Indian Journal of Corporate Governance* 14(1).
- Berger, A.N. & Humphrey, D.B. 1991. The dominance of inefficiencies over scale and product mix economies in banking. *Journal of Monetary Economics* 28(1): 117-148.
- Berger, A.N. & DeYoung, R. 1997. Problem loans and cost efficiency in commercial banks. *Journal of Banking & Finance* 21(6): 849–870.
- Berger, A.N. & Udell, S. 2013. How does capital affect bank performance during financial crises? *Journal of Financial Economics* 109(1): 146–176.
- Bhatti, M.A., Sadiq, M., Albarq, A.N. & Juhari, A.S. 2022. Risk management and financial performance of banks: an application of CAMEL framework. *Cuadernos de Economía* 45(128): 113-123.
- Boyd, J.H., and D.E. Runkle. 1993. Size and performance of banking firms: Testing the predictions of theory. *Journal of Monetary Economics* 31: 47–67.
- Brewer, E., III, & J. Jagtiani. 2013. How much did banks pay to become too-big-to-fail and to become systemically important? *Journal of Financial Services Research* 43: 1–35.
- Calomiris, C.W. & D. Nissim. 2014. Crisis-related shifts in the market valuation of banking activities. *Journal of Financial Intermediation* 23: 400–435.
- Cardillo, G., Cotugno, M., Perdicizzi, S. & Torluccio, G. 2024. Bank market power and supervisory enforcement actions. *International Review of Financial Analysis* 91.
- Cetorelli, N., J. McAndrews, J. & Traina, J. 2014. Evolution in bank complexity. *Economic Policy Review* 20: 85–106.
- Cetorelli, N. & Goldberg, L.S. 201. Measures of global bank complexity. *Economic Policy Review Federal Reserve Bank of New York* 20(2): 107–126.
- Chen, Z.S., Zhou, J., Zhu, C.Y., Wang, Z.J., Xiong, S.H., Rodríguez, R.M. ... & Skibniewski, M.J. 2023. Prioritizing real estate enterprises based on credit risk assessment: An integrated multi-criteria group decision support framework. *Financial Innovation* 9(1).
- Cordina, R., Kourtzidis, S., Power, D.M. & Tzeremes, N.G. 2025. An analysis of country-by-country data for EU banks: an investigation of bank performance and risk. *Review of Quantitative Finance and Accounting*: 1-27.
- DeAngelo, H. & R. M. Stulz. 2015. Liquid-claim production, risk management, and bank capital structure: Why high leverage is optimal for banks. *Journal of Financial Economics* 116: 219–36.
- Demirgüç-Kunt, A. & H. Huizinga. 2010. Bank activity and funding strategies: The impact on risk and returns. *Journal of Financial Economics* 98: 626–650.
- Demsetz, R.S. & P.E. Strahan. 1997. Diversification, size and risk at U.S. bank holding companies. *Journal of Money, Credit and Banking* 29: 300–313.
- Deng, S.E. & E. Elyasiani. 2008. Geographic diversification, bank holding company value, and risk. *Journal of Money, Credit and Banking* 40(6): 1217-1238.
- DeYoung, R. & Rice, T. 2004. Noninterest income and financial performance at US commercial banks. *The Financial Review* 39(1): 101-127.
- DeYoung, R., D.D. Evanoff. & P. Molyneux. 2009. Mergers and acquisitions of financial institutions: A review of the post-2000 literature. *Journal of Financial Services Research* 36: 87–100.
- Economies of Scale. 2020. <https://www.fdic.gov/analysis/cfr/staff-studies/2020-06.pdf>
- Ellul, A. & V. Yerramilli. 2013. Stronger risk controls, lower risk: Evidence from U.S. bank holding companies. *Journal of Finance* 68: 1757–803.
- Fakhrunnas, F. & Nahda, K. 2023. The impact of management performance on risk-taking behavior in a dual banking system: A cross-country analysis. *Banks and Bank Systems* 18(4).
- Fama, E.F. & K.R. French. 1993. Common risk factors in the returns on stocks and bonds. *Journal of Financial Economics* 33: 3–56.

- Financial Stability Oversight Council. 2025. *Study of the effects of size and complexity of financial institutions on capital market efficiency and economic growth*. U.S. Department of the Treasury. <https://home.treasury.gov/system/files/261/Financial-Institutions-on-Capital-Market-Efficiency-and-Economic-Growth-January-2025.pdf>
- Gandhi, P. & H. Lustig. 2015. Size anomalies in U.S. bank stock returns. *Journal of Finance* 70: 733–68.
- Gandhi, P., H. Lustig, & A. Plazzi. 2017. Equity is cheap for large financial institutions: The international evidence. Working Paper.
- Gržeta, I., Žiković, S. & Tomas Žiković, I. 2023. Size matters: Analyzing bank profitability and efficiency under the Basel III framework. *Financial innovation* 9(1).
- Hawaladar, I.T., Meher, B.K., Kumari, P. & Kumar, S. 2022. Modelling the effects of capital adequacy, credit losses, and efficiency ratio on return on assets and return on equity of banks during COVID-19 pandemic. *Banks and Bank Systems* 17(1): 115-124.
- Hughes, J.P. & L.J. Mester. 2013. Who said large banks don't experience scale economies? Evidence from a risk-return-driven cost function. *Journal of Financial Intermediation* 22: 559–85.
- Hughes, J.P., Jagtiani, J., Mester, L.J. & Moon, C. 2019. Does scale matter in community bank performance? Evidence obtained by applying several new measures of performance. *Journal of Banking & Finance* 106: 471-499.
- Huizinga, H. & L. Laeven. 2012. Bank valuation and accounting discretion during a financial crisis. *Journal of Financial Economics* 106: 614–634.
- Hussain, M., Jan, S.U. & Haq, M.Z.U. 2024. A comparative study of the financial performance of islamic and conventional banks in Peshawar. *Economics & Islamic Finance Journal (ECIF)* 1(1): 47-61.
- International Monetary Fund. 2014. global financial stability report. Washington: International Monetary Fund.
- Ioannou, S., Wójcik, D. & Dymski, G. 2019. Too-big-to-fail: Why megabanks have not become smaller since the global financial crisis? *Review of Political Economy* 31(3): 356-381.
- Isamail, M.Z., Mohamad, M.T., Sulaiman, A.A. & Suki, N.M. 2016. Pengurusan aset-liabiliti: sorotan perbandingan antara perbankan Islam dan konvensional di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)* 10: 115-128.
- Jarbou, S.I., Irimia-Diéguez, A. & Prieto-Rodríguez, M. 2024. Financial performance of Islamic and conventional banks in MENA region: a GLS approach. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Kale, S., Eken, M.H. & Selimler, H. 2015. The effects of regulations on the performance of banks: evidence from the Turkish banking industry. *J Cent Cathedra* 8(2): 109–145.
- Kamarudin, F., Sufian, F., Nassir, A.M., Anwar, N.A.M. & Hussain, H.I. 2019. Bank efficiency in Malaysia a DEA approach. *Journal of Central Banking Theory and Practice* 8(1): 133-162.
- Kane, E.J. 2014. Statement on measuring the funding advantages enjoyed by large, complex, and politically powerful bank holding companies. Hearing on Debt Financing in the Domestic Financial Sector, U.S. Senate, Washington, DC, July 31, 2014.
- Karadžić, V. & Đalović, N. 2021. Profitability determinants of big European banks. *Journal of Central Banking Theory and Practice* 10(2): 39-56.
- Kashkari, N. 2016. Lessons from the crisis: Ending too big to fail. Speech from Federal Reserve Bank of Minneapolis.
- Kewangan, S.D.S.K. & Agustin, H. 2015. Prestasi Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Bank-Bank Di Indonesia.
- Khan, S. 2022. Determinants of banks profitability: An evidence from GCC countries. *Journal of Central Banking Theory and Practice* 11(3): 99-116.
- Kouzez, M. 2023. Political environment and bank performance: Does bank size matter? *Economic Systems* 47(1).
- Kovner, A., J. Vickery, & L. Zhou. 2014. Do big banks have lower operating costs? *Economic Policy Review* 20: 1–23.
- Kress, J.C. 2019. Solving banking's' too big to manage'problem. *Minn. L. Rev.* 104.
- Kroszner, R. 2016. A review of bank funding cost differentials. *Journal of Financial Services* 49(2): 151-174.
- Kwiatkowska, K. 2023. Determinants of bank market valuation: a review of the literature. *Zeszyty Naukowe. Organizacja i Zarządzanie/Politechnika Śląska*.
- Laeven, L. & R. Levine, R. 2007. Is there a diversification discount in financial conglomerates? *Journal of Financial Economics* 85: 331–67.
- Laeven, L., L. Ratnovski. & H. Tong. 2016. Bank size, capital, and systemic risk: Some international evidence. *Journal of Banking & Finance* 1: 25–34.
- Laeven, L., Levine, R. & Michalopoulos, S. 2015. Financial innovation and endogenous growth. *Journal of Financial Intermediation* 24(1): 1-24.
- Li, C., Zhang, Y. & Yu, H. 2024. Digitalization and the “Too Big to Fail” Dilemma: Mechanisms and asymmetric effects of banks’ fintech innovation on total factor productivity. *Technological and Economic Development of Economy* 30(2): 464-488.

- Lisdawati. 2018. Perbandingan tingkat efisiensi bank skala besar dan skala kecil. *KREATIF: Jurnal Ilmiah Prodi Manajemen Universitas Pamulang* 6(4): 23–29.
- Mohd, S.I., Abdul-Rahman, A. & Ghazali, M.F. 2024. The influence of corporate governance and Shariah governance on insolvency risk: Evidence from developing market. *Periodicals of Engineering and Natural Sciences* 12(1): 205-222.
- Meiselman, B.S., Nagel, S. & Purnanandam, A. 2023. Judging banks' risk by the profits they report. *SSRN Electronic Journal*.
- Minaryanti, A.A. & Mihajat, M.I.S. 2024. A systematic literature review on the role of sharia governance in improving financial performance in sharia banking. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 15(4): 553-568.
- Minton, B.A., Stulz, R.M. & Taobaoa, A.G. 2019. Are the largest banks valued more highly? *The Review of Financial Studies* 32(12): 4604-4652.
- Nguyen, L.H., Le, T.D. & Ngo, T. 2023. Efficiency and performance of Islamic banks amid COVID-19. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Nguyen, T.T., Nguyen, T.H., Nguyen, H.M. & Pham, H.T. 2020. The impact of bank size on performance: Evidence from Vietnam. *Research in International Business and Finance* 52.
- Ngware, S.G., Olweny, T. & Muturi, W. 2020. Do Bank Size Moderate Relationship between Banks' Portfolio Diversification and Financial Performance of Commercial Banks in Kenya? *SEISENSE Journal of Management* 3(2): 14-30
- Nippani, S. & Ling, R. 2021. Bank size and performance: An analysis of the industry in the United States in the post-financial-crisis era. *The Journal of Financial Research* 44(3): 587-606.
- O'Hara, M. & W. Shaw. 1990. Deposit insurance and wealth effects: The value of being "too big to fail." *Journal of Finance* 45: 1587–600.
- Onour, I. & Abdo, M.M. 2020. Assessing competitive advantage of banks in GCC countries. *Management and Economics Research Journal* 6(1).
- Penrose, E.T. 1959. *The Theory of the Growth of the Firm*. Oxford University Press.
- Petersen, M.A. 2009. Estimating standard errors in finance panel data sets: Comparing approaches. *Review of Financial Studies* 22: 435–80.
- Quan, L.J., Ramasamy, S., Rasiah, D., Yen, Y.Y. & Pillay, S.D. 2019. Determinants of islamic banking performance: An empirical study in Malaysia (2007 TO 2016). *Humanities & Social Sciences Reviews* 7(6) 380- 401.
- Rahim, M.A., Saadin, N.F. & Tamrin, M.I.M. 2023. The influence of islamic governance disclosure on islamic bank's financial performance in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences* 13(2): 843-856.
- Rahim, M.A., Sulistyowati, S., Latif, S.D.H. & Ismal, R. 2024. M score performance measure for islamic banks in Malaysia and Indonesia. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 9(S122): 57-63.
- Rehman, A.U., Aslam, E. & Iqbal, A. 2022. Intellectual capital efficiency and bank performance: Evidence from islamic banks. *Borsa Istanbul Review* 22(1): 113-121.
- Saif-Alyousfi, A.Y.H. & Saha, A. 2021. Determinants of banks' risk-taking behavior, stability and profitability: evidence from GCC countries. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 14(5): 874-907.
- Santos, J.A.C. 2014. Evidence from the bond market on banks' 'too-big-to-fail' subsidy. *Economic Policy Review* 20: 29–39.
- Sargan, J.D. 1958. The estimation of economic relationships using instrumental variables. *Econometrica* 26(3): 393–415.
- Sari, I.P. 2024. Analisis perbandingan kinerja bank konvensional dengan bank syariah yang terdaftar di Bursa Efek Indonesia tahun 2022-2023. *Kompeten: Jurnal Ilmiah Ekonomi dan Bisnis* 2(5): 802-807.
- Sarin, N. & L.H. Summers. 2016. Have big banks gotten safer? *Brookings Papers on Economic Activity*: 57–109.
- Schreiber, B.Z. 2024. The impact of revenue diversification on profitability, capital, and risk in US banks by size. *The North American Journal of Economics and Finance* 69.
- Siska, E. (2022). Financial Technology (FinTech) and Its Impact on Financial Performance of Islamic Banking. *ARBITRASE. Journal of Economics and Accounting* 2(3): 102–108.
- Sukendri, N., Muktiyanto, A., Geraldina, I. & Safitri, J. 2024. Agency theory in banking: Balancing incentives and mitigating moral hazard in the principal-agent dilemma. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences* 2: 1-11.
- Tarawneh, A., Abdul-Rahman, A., Mohd Amin, S.I. & Ghazali, M.F. 2024a. A systematic review of fintech and banking profitability. *International Journal of Financial Studies* 12(1): 1-21.
- Tarawneh, A., Abdul-Rahman, A., Ghazali, M.F., Amin, S.I.M. & Al-Hajieh, H. 2024b. Does fintech affect bank profitability? Empirical insights from Malaysia. *Revista De Gestão Social E Ambiental* 18(5).

- Teixeira, J.C., Silva, F.J., Costa, F.A., Martins, D.M. & Batista, M.D.G. 2020. Banks' profitability, institutions, and regulation in the context of the financial crisis. *International Journal of Finance & Economics* 25(2): 297-320.
- Teixeira, J.C., Vieira, C. & Ferreira, P. 2021. The effects of government bonds on liquidity risk and bank profitability in Cape Verde. *International Journal of Financial Studies* 9(1): 1-23.
- Umardani, D. & Muchlish, A. 2016. Analisis perbandingan kinerja keuangan bank syariah dan bank konvensional di Indonesia. *Jurnal Manajemen dan Pemasaran Jasa* 9(1): 129-156.
- Wahab, A. & Roslan, M. (2021). Islamic banking and financial performance: Comparative study on Islamic and conventional banks. *International Journal of Business and Society* 22(1): 35–48.
- Wang, Y., Abdul-Rahman, A., Amin, S.I.M. & Jamil, A.H. 2024. An empirical analysis of non-interest income's effect on commercial bank performance. *Austrian Journal of Statistics* 53(5): 26-39.
- Wasiuzzaman, S. & Gunasegavan, U.N. 2013. Comparative study of the performance of Islamic and conventional banks. *Humanomics* 29(1): 1-19.
- Yaakub, N.M., Rahman, A.A. & Sulaiman, A.A. 2017. Struktur pembiayaan dan risiko kecairan: Analisis perbankan Islam domestik dan asing di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 51(2): 115-130.
- Yuan, M., Zhang, L. & Lian, Y. 2022. Economic policy uncertainty and stock price crash risk of commercial banks: Evidence from China. *Economic Analysis and Policy* 74: 587-605.

Aisyah Abdul Rahman (penulis koresponden)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Institut Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: eychah@ukm.edu.my

Syajarul Imna Mohd Amin
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: imna@ukm.edu.my

Hafizuddin-Syah B.A.M
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-Mel: m_hafiz@ukm.edu.my